

**KAJIAN TERHADAP TEMENGGUNG DAN PERPATIH SATU
PERBANDINGAN ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN**

NORAYUNI AZURA BINTI MAT AIL

**PROJEK PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN
2011

PERAKUAN

Laporan ini adalah hasil usaha pelajar sendiri berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilaksanakan pada semester 7, sesi akademik 2010/ 2011, kecuali pada bahagian-bahagian yang diberikan kredit dan yang dilampirkan dari sumber-sumber yang telah dinyatakan.

.....

Tarikh: 19 DISEMBER 2011

(Tandatangan Pelajar)

Nama Pelajar : **NORAYUNI AZURA BINTI MAT AIL**No.Matrik : **C08A061**

Disahkan Oleh:

.....

Tarikh:

(Tandatangan)

Nama Pembimbing : **PROF. MADYA DR. FAROUK BIN ZAKARIA**

Cop Jawatan

:

KELANTAN

DEDIKASI

Segala puji bagi Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani

Karya ini khusus untuk:

Buat Bonda dan keluarga yang tercinta

HASMAH BINTI HAMAT

Terima kasih di atas segala pengorbanan tidak terhingga yang dicurahkan selama ini dan doa
serta dorongan bonda menjadi pembakar semangat bagiku dan

terima kasih juga kepada adik- beradikku yang tersayang

kakak, abang dan adik

yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan.

Tidak lupa juga kepada teman seperjuangan sekalian

di atas perkongsian ilmu dan bantuan kalian

akan tetap di kenang ke akhir hayatku.

Jutaan terima kasih di atas segalanya

hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalaunya.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum...

Syukur ke hadirat illahi kerana dengan izin dan limpah dan kurnianYA akhirnya pengkaji dapat menghabiskan penulisan ilmiah dan juga kajian terhadap Temenggung dan Perpatih satu perbandingan adat istiadat perkahwinan bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan 1 (CFT 3124) dan Projek Penyelidikan 2 (CFT 4134) iaitu subjek teras Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan untuk sesi semester 6 dan 7 /2011 dengan jayanya.

Jutaan terima kasih kepada Penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Farouk Bin Zakaria yang turut menjadi selaku penasihat dan banyak memberi tunjuk ajar serta maklumat tambahan dalam menyiapkan penulisan ilmiah. Selain itu, tidak lupa juga kepada pihak keluarga terutamanya ibu pengkaji yang telah banyak memberi dorongan dan semangat kepada pengkaji bagi menjalankan penyelidikan yang berfokuskan kepada Temenggung dan Perpatih satu perbandingan adat istiadat perkahwinan.

Berbanyak terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak memberikan sokongan serta kerjasama yang tidak terhingga dalam memberi maklumat serba sedikit mengenai tajuk kajian yang dijalankan.

Segala tunjuk ajar dan ilmu yang didapati pengkaji dari pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah amat bermakna bagi diri pengkaji yang dapat membantu pengkaji pada masa akan datang.

Sekian terima kasih...

ABSTRAK

Masyarakat Melayu sangat kaya dengan adat. Adat merupakan peraturan yang diamalkan secara turun-temurun dalam sesebuah masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang wajib dipatuhi. Istiadat pula merupakan peraturan atau cara melakukan sesuatu yang dapat diterima sebagai adat. Adat dan istiadat saling berkaitrapat diantara satu sama lain yang tidak dapat dipisahkan. Berperanan sebagai alat yang mampu mengatur kehidupan masyarakat ke arah kerukunan dan kesejahteraan hidup. Adat Melayu bukan sekadar kebiasaan, keresaman, istiadat tetapi juga suatu cara hidup, suatu kebudayaan yang turut meliputi persoalan fitrah manusia dan peraturan kehidupan. Komitmen yang di tunjukkan oleh masyarakat Melayu terhadap adat istiadat ini amat jelas di gambarkan melalui adat perkahwinan. Masyarakat Melayu hanya mengamalkan dua jenis adat sama ada adat temenggung atau adat perpatih. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui perbandingan adat temenggung dan perpatih dalam adat istiadat perkahwinan kerana belum ada lagi kajian perbandingan diantara kedua adat istiadat ini. Melalui hasil kajian yang telah di buat berdasarkan penggunaan data kualitatif, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua adat ini adalah lebih kurang sama sahaja dan hanyalah terdapat sedikit perbezaan dari segi penggunaan istilah, dan juga upacara adat istiadat tetapi maksudnya adalah lebih sama sahaja. Dengan demikian, kedua-dua adat ini adalah mempunyai daya tarikan masing-masing yang sama-sama saling berkait rapat dalam kehidupan seharian masyarakat terutamanya dalam adat istiadat perkahwinan.

ABSTRACT

The Malay community is rich with tradition. The custom was adopted regulations hereditary in a society up to the applicable laws and regulations are adhered to. The ceremony is the rules or how to do something that can be accepted as customary. Customs and traditions each associated with one another that can not be separated. Serves as an instrument to regulate the life of society towards harmony and well-being. Malay custom not only common, customs, ceremonial, but also a way of life, a culture which also covers the question of human nature and the rule of life. Reviewed by commitment to the tradition of the Malay community is very clearly reflected in customary marriages. Malay community to adopt only two types of custom or whether custom Temenggong Response. In this study, the researchers want to know the comparison customary Temenggong and Response in the tradition of marriage as we have yet to study the comparison between this custom. Through a study has been made based on the use of qualitative data, researchers found that both these customs are more or less the same only and there is little difference in use of the term, as well as ritual ceremonies, but the meaning is much the same. Thus, both this custom is to have their appeal equally closely interrelated in their daily lives, especially in wedding ceremonies.

KANDUNGAN

| PERKARA | HALAMAN |
|--------------------|----------------|
| PERAKUAN..... | i |
| DEDIKASI..... | ii |
| PENGHARGAAN..... | iii |
| ABSTRAK..... | iv |
| ABSTRACT..... | v |
| ISI KANDUNGAN..... | vi - x |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1**PENDAHULUAN**

| | | |
|------|----------------------------------|---------|
| 1.1 | PENGENALAN..... | 1- 18 |
| 1.2 | ADAT PERKAHWINAN TEMENGGUNG..... | 19 - 28 |
| 1.3 | ADAT PERKAHWINAN PERPATIH..... | 29 - 32 |
| 1.4 | OBJEKTIF KAJIAN..... | 33 |
| 1.5 | PERNYATAAN MASALAH..... | 34 |
| 1.6 | SKOP KAJIAN..... | 35 |
| 1.7 | PERSOALAN KAJIAN..... | 35 |
| 1.8 | KEPENTINGAN KAJIAN..... | 36 - 37 |
| 1.9 | BATASAN KAJIAN..... | 37 |
| 1.10 | DEFINISI ISTILAH..... | 38 - 41 |
| 1.11 | KESIMPULAN..... | 42 |
| 1.12 | STRUKTUR BAB LAPORAN..... | 43 – 44 |

BAB 2**TINJAUAN LITERATURE**

| | | |
|---|---|----------------|
| 2.1 | PENGENALAN..... | 46 - 49 |
| 2.2 | RINGKASAN KAJIAN LITERATURE..... | 50- 51 |
| 2.3 | BEBERAPA KAJIAN MENURUT..... | 52 - 64 |
| PANDANGAN TOKOH TEMPATAN DAN BARAT | | |
| 2.4 | ULASAN BUKU DAN TESIS..... | 65 - 66 |
| 2.5 | KESIMPULAN..... | 66 - 68 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

| | | |
|------------|-----------------------------|----------------|
| 3.1 | PENGENALAN..... | 69 - 70 |
| 3.2 | RANGKA TEORI..... | 70 - 73 |
| 3.3 | LOKASI KAJIAN..... | 73 |
| 3.4 | KAEDAH KAJIAN..... | 74 - 75 |
| 3.5 | PROSEDUR KAJIAN..... | 75 - 76 |
| 3.6 | KESIMPULAN..... | 77 - 78 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4**ANALISIS DAPATAN DATA**

| | |
|--|------------------|
| 4.1 PENGENALAN..... | 79 – 80 |
| 4.2 ADAT TEMENGGUNG DAN PERPATIH..... | 80 - 82 |
| 4.3 PERBANDINGAN ADAT TEMENGGUNG DAN PERPATIH..... | 82 |
| 4.3.1 Adat Temenggung..... | 82 |
| 4.3.2 Peringkat dan Tertib Adat istiadat Perkahwinan..... | 82 - 89 |
| Temenggung | |
| 4.3.3 Adat Perpatih..... | 89 – 91 |
| 4.3.4 adat Istiadat Perkahwinan..... | 91 - 92 |
| 4.3.5 Peringkat dan Tertib Adat istiadat Perkahwinan..... | 92 - 104 |
| Perpatih | |
| 4.3.6 Adat Perpatih yang Lain..... | 105 – 107 |
| 4.4 PERBANDINGAN ADAT TEMENGGUNG DAN PERPATIH.... | 107 – 114 |

| | | |
|--------------|---|------------------|
| 4.4.1 | Adat Perpatih Yang Masih Diamalkan..... | 114 – 116 |
| 4.4.2 | Adat Yang Telah Mengalami Perubahan..... | 116 – 120 |
| 4.4.3 | Adat Yang Sudah Tidak Diamalkan..... | 120 – 121 |
| 4.4.4 | Penglibatan Pengkaji Dalam Majlis Perkahwinan..... | 121 – 122 |
| 4.4.5 | Pengkaji Turut Melakukan Kajian Lapangan..... | 123 – 124 |
| 4.5 | PANTUN DALAM ADAT PERKAHWINAN..... | 125 – 135 |
| 4.6 | KESIMPULAN..... | 136 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5**PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

| | | |
|------------|--------------------------|------------------|
| 5.1 | PENGENALAN..... | 137 – 138 |
| 5.2 | PERBINCANGAN..... | 138 – 139 |
| 5.3 | CADANGAN..... | 139 – 140 |
| 5.4 | KESIMPULAN..... | 141 – 142 |

BIBLIOGRAFI

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kamus- kamus mengatakan bahawa adat itu ialah peraturan yang lazim dipakai semenjak dahulukala hingga berzaman- zaman. Adat merupakan peraturan yang diamalkan secara turun-temurun dalam sesbuah masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang wajib dipatuhi. Istiadat pula merupakan peraturan atau cara melakukan sesuatu yang dapat diterima sebagai adat.

Adat dan istiadat saling berkaitrapat diantara satu sama lain yang tidak dapat dipisahkan. Berperanan sebagai alat yang mampu mengatur kehidupan masyarakat ke arah kerukunan dan kesejahteraan hidup. Masyarakat Melayu kaya dengan adat istiadat yang di pusakai secara turun-temurun dari generasi ke generasi yang lain. Adat itu merupakan cara atau sistem yang menjadi kebiasaan, diamalkan oleh sesuatu masyarakat manusia, ia merupakan juga hukum-hakam dan perlembagaan sebagai pegangan atau panduan hidup masyarakat itu. Pantang larang dan suruh arah yang tradisional termasuk dalam adat. Adat Melayu bukan sekadar kebiasaan, keresaman, istiadat tetapi juga suatu cara hidup, suatu kebudayaan yang turut meliputi persoalan fitrah manusia dan peraturan kehidupan. Komitmen yang di tunjukkan oleh masyarakat Melayu terhadap adat istiadat ini amat jelas di gambarkan melalui adat perkahwinan. Namun demikian, adat istiadat merupakan budaya Melayu yang bersifat dinamis, iaitu sentiasa berubah- ubah mengikut peredaran zaman dan masa serta mudah menyerap unsur- unsur asing atau luar. Adat dalam kerangka asalnya bukan suatu yang jumud, semu, abstrak, tetapi konkret dan cukup substansif untuk memenuhi tuntutan kehidupan manusia, *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah*. Adat berubah akibat perubahan cara kehidupan manusia kerana kehidupan manusia semakin tersusun, dan kompleks. Dalam kehidupan moden, kita seolah-olah melarikan diri daripada ikatan adat tetapi tertakluk pula di bawah kekuasaan undang-undang atau perlembagaan yang terkanun, sesiapa yang melanggar undang-undang atau melakukan kesalahan, maka terhaklah bagi undang-undang untuk menghukum pesalah tadi menurut ketetapan perlembagaan itu. Hal ini samalah juga

dengan orang yang didapati melanggar adat, ia boleh dihukum menurut kehendak adat pula.

Wewenang adat serupalah juga dengan kekuasaan undang-undang. Perbezaannya hanyalah adat terbentuk atas persetujuan mutual masyarakat yang beramal dengannya, sedangkan undang-undang atau perlembagaan itu digubal dan dibentuk dengan muafakat dan ketetapan yang ditentukan oleh penguasa atau pemerintah atau oleh majlis perundangan yang mewakili pemerintah. Adat itu terpakai turun temurun atas dasar setia dan percaya, manakala undang-undang itu dikuatkuasakan menurut pertimbangan mahkamah. Bagaimanapun, menurut adat ada kalanya wewenang adat itu boleh terkalahkan juga oleh muafakat tidak seperti undang-undang yang teguh dan tetap dengan kuasa yang diberi oleh mahkamah.

Perbilangan adat yang berkata:

Muafakat lalu di dalam gelap,

Adat lalu di tengah terang:

Alah adat oleh muafakat...

itu bermakna bahawa menurut adat, sesuatu perkara atau pertelingkahan yang boleh diselesaikan dengan muafakat, lebih baik diselesaikan dengan muafakat antara mereka yang berperkara (secara bergelap-gelap), tidak perlu campur tangan orang lain, tidak perlu dibawa ke lembaga adat untuk dibicarakan. Tetapi jika pihak-pihak yang berperkara itu mahukan perkaranya dibicarakan oleh lembaga, maka penyelesaian terpaksa dilakukan di tengah terang.

Perbilangan adat yang mengatakan:

hidup dikandung adat;

mati dikandung tanah...

memberitahu kita bahawa hidup dalam masyarakat (hidup dalam lingkungan lebih daripada seorang) ini memerlukan peraturan-peraturan yang dapat memelihara kepentingan dan keharmonian hidup bermasyarakat (peraturan itulah yang disebut adat). Jadi, tiap-tiap manusia yang hidup haruslah terikat (patuh) kepada adat, apabila mati manusia itu barulah terkeluar dari adat, termasuk pula ke kandungan tanah (dikebumikan).

Akan perbilangan adat yang mengatakan:

biar mati anak;

jangan mati adat...

itu pula menunjukkan keteguhan dan kesetiaan seseorang terhadap adat (peraturan; undang-undang) sehingga tergamak dia mengetepikan anaknya sendiri apabila didapatinya anak itu mengingkari adat, dia sanggup membiarkan anaknya ‘mati’ untuk mempertahankan adat. Adapun ‘mati’ dalam perbilangan adat itu bukanlah mati yang membawa makna leksikal (mati = tidak bernyawa) tetapi mati dalam makna cultural (terkeluar dari ikatan adat). Ini bermakna, anak yang ‘mati’ akan kehilangan hanya yang diberi oleh adat (hak keluarga, hak milik, hak pusaka dan sebagainya).

Dalam kehidupan beradat, ada empat macam adat Melayu, iaitu adat nan kawi, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat.

Adat nan kawi ialah adat yang kukuh, yang kuat dianuti sebagai pegangan hidup, adat yang terpusaka zaman berzaman iaitu adat yang tak lekang dek panas , tak lapuk dek hujan , adat yang dipindahkan tak layu, dicabut tak mati. Adat yang meliputi semua aspek kehidupan masyarakat termasuk sistem pentadbiran, hukum-hakam, pendidikan, ekonomi dan kebijakan sosial.

Adat nan kawi itu ialah adat yang sebenar adat, iaitu adat yang bersendi syarak, adat yang selari dengan hukum agama (Islam). Dalam perbilangannya, adat itu disebut:

adat bersendi syarak,

syarak bersendi kitabullah:

syarak mengata adat memakai...

apabila berdiri syarak,

maka gugurlah adat.

Maknanya apabila adat itu bercanggah dengan syarak (kitabullah), maka adat itu tidak sah.

Adat yang teradat merupakan amalan tradisi yang dihayati oleh nenek moyang, misalnya yang mengenai tatakrama, aturan hendak mendirikan rumah tangga, tanggungjawab terhadap keluarga, ibu bapa dan anak-anak mengenai pantang larang dan sebagainya.

Adat yang diadatkan pula ialah adat yang disusun dengan muafakat untuk kesejahteraan masyarakat dan menjadi cara hidup sehari-hari, termasuk peraturan negeri,

adat orang berkeluarga, berjiran, bermasyarakat, sesuatu yang berkenaan dengan kemudahan-kemudahan awam dan sebagainya. Adat yang diadatkan ini boleh berubah-ubah sesuai dengan keadaan zaman dan keperluan masyarakat, sesuai pula dengan kehendak pantun adat yang berkata:

*adat biasa yang dipakai,
lembaga yang sama dituang;
yang elok sama dipakai,
yang buruk sama kita buang.*

Manakala adat istiadat pula ialah adat yang berupacara, iaitu adat yang dilakukan dengan upacara yang tersusun kedudukannya dan teratur dahulu kemudiannya, contohnya yang dilakukan bagi adat semenda (perkahwinan) dan lain-lain upacara peralihan. Menurut teromba adat Perpatih, pertumbuhan adat itu berdasarkan kebenaran dunia atau logika yang selaras dengan kejadian alam, seperti yang dinyatakan talibun adat:

*penakik pisau seraut,
ambil galah batang lingtabung,
yang setitis jadikan laut,
yang sekepal jadikan gunung,
alam terkembang jadikan guru.*

(H Idrus Hakimy Dt Rajo penghulu, Mustika Adat Bersendi Syarak di Minangkabau

1986, m/s 2)

Mamang, alam terkembang menjadi guru itu mengandungi falsafah bahawa alam bukanlah semata-mata tempat lahir, tempat mati, tempat hidup dan tempat berkembang sahaja, tetapi alam ialah segala-galanya. Maka itu, sifat dan sikap alam seperti api itu panas, angin itu dingin, tanah itu beku, dan air itu cair dinukil orang sebagai falsafah hidup yang mengajari manusia Melayu melalui pepatah, petitih, ungkapan, kiasan, dan peribahasa.

Tiap unsur alam terkumpul empat-empat seperti, ada matahari, ada bulan, ada bumi dan ada bintang...ada siang, ada malam, ada pagi, ada petang...ada utara, ada selatan, ada timur dan ada barat...ada api, ada angin, ada tanah, ada air dan sebagainya. Semua unsur alam itu saling berhubungan tetapi tidak saling mengikat, saling bertembungan tetapi tidak saling membinasakan, saling mengelompok tetapi tidak saling meleburkan. Masing-masing unsur itu hidup dengan kewujudan dalam keadaan harmoni tetapi dinamik, sesuai dengan dialektika alam, yang dalam bahasa Minangkabau diungkapkan dengan kata *bakarano bakajadian* iaitu bersebab dan berakibat.

Berdasarkan mamang alam terkembang menjadi guru itu maka adat yang dua tereper yang menjadi asas adat Melayu, seperti yang dinyatakan perbilangan berikut:

Siapakah yang cerdik bijaksana?

Pertama: Datuk perpatih

Kedua: Datuk Temenggung,

Yang mengetahui jalan dua tereper.

Mana jalan yang tereper?

Pertama: Allah

Kedua: jalan kepada dunia.

Mana yang dikatakan jalan kerana Allah?

Pertama: mengucap

Kedua: sembahyang

Ketiga: zakat

Keempat: puasa

Kelima; naik haji.

Manatah jalan kepada dunia?

Pertama: gong dan canang

Kedua: makan dan minum

Ketiga: semenda menyemenda.

(Mohamed din b Ali LI.B. kertas kerja 3, Seminar Kebudayaan Melayu Singapura 1962)

Pada umumnya, orang Melayu menganuti salah satu daripada dua macam adat, sama ada yang diundang Datuk Temenggung (adat temenggung) atau yang diundang Datuk Perpatih (adat perpatih).

Perbilangan adat itu mengatakan:

Ke laut Adat Temenggung,

Ke darat Adat Perpatih...

Adat Temenggung:

siapa menjala siapa terjun,

siapa salah siapa bertimbang,

siapa berhutang siapa membayar,

siapa membunuh siapa kena bunuh.

Adat Perpatih:

hutang berturut,

cagar bergadai,

cengcang pampas,

bunuh beri balas.

(Za'ba, Ilmu Mengarang Melayu MPH 1951, m/s 136)

Adat temenggung dan perpatih yang telah lama dikatakan bertapak sedikit-sebanyak turut berjaya mempengaruhi adat istiadat Melayu yang khususnya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Di negeri Melaka, adat perpatih bertapak di daerah Alor Gajah, manakala daerah Melaka Tengah dan Jasin pula mengamalkan adat temenggung. Kedua-dua adat ini jelas diamalkan dalam adat istiadat perkahwinan.

Adat temenggung dan perpatih dapat dikategorikan sebagai hukum adat di negeri-negeri Melayu. Adat ini berasal dari Utara Sumatera dan dikembangkan oleh dua beradik iaitu Datuk Ketemenggungan yang kemudiannya berkuasa di Palembang (adat

temenggung) dan Datuk Perpatih Pinang Nan Sebatang yang kemudiannya berkuasa di Pagar Ruyung (adat perpatih). Adat temenggung di amalkan di semua negeri kecuali di negeri Sembilan dan Naning di Melaka yang mengamalkan adat Perpatih. Hukum adat ini meliputi segala aspek kehidupan, aturan hidup, adat istiadat dan hidup bermasyarakat. Hukum adat ini di percayai di bawa masuk sekitar abad ke-15 Masihi dan kemudiannya berkembang di negeri-negeri takhlukan Melaka. Contoh, undang-undang Johor dan Kedah, undang- undang Pahang di Pahang, undang- undang 99 Perak di Perak. Adat Temenggung kemudiannya diresapi dengan pengaruh Islam dan hukum syarak Mazhab Syafie.

Dari segi bahasa, kahwin (nikah) bererti berkumpul atau berhimpun. Manakala, dari segi istilah, kahwin bermaksud menemukan pasangan suami isteri berasaskan peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Semua kejadian yang wujud di dunia ini adalah berpasangan. Bumi yang kita pijak berpasangan dengan langit yang kita junjung. Air di laut ada pasang surutnya. Begitu juga dengan haiwan dan tumbuhan, ada jantan dan betinanya.

Bagi seorang lelaki, pasangannya ialah seorang perempuan. Kejadian manusia oleh Allah s.w.t. adalah sebagai khalifah di muka bumi. Seorang lelaki yang ingin hidup bersama pasangannya yang diingini (perempuan) perlu melalui satu upacara yang di kenali ‘perkahwinan’. Tanpa melalui upacara perkahwinan maka ia dianggap sebagai satu kesalahan besar yang tidak dapat diterima oleh masyarakat sama ada melalui kaca mata

adat mahupun agama. Perhubungan secara itu sangat dipandang hina dan hukumnya adalah sangat berat dan di dalam Islam dinamakan zina.

Melalui cara perkahwinan, maka sahilihah perkongsian hidup suami isteri yang berada dalam naungan akidah, syariah, akhlak seperti yang telah di catatkan dalam kandungan al-Quran dan hadis. Sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya:

“ Sesiapa yang berkahwin sesungguhnya dia telah memelihara sebahagian daripada agamanya”.

Dalam adat istiadat Melayu, sebelum mengadakan perkahwinan, biasanya keempat-empat macam adat Melayu itu terterap sama walaupun yang wajib dilakukan (adat nan kawi) hanyalah satu. Bagaimanapun, yang biasa dilakukan orang banyak ialah adat yang teradat dan adat yang diadatkan, yang dibilangkan:

Sigai mencari enau

Enau tetap sigai berpindah

Datang berjemput pergi berhantar

Ayam putih terbang siang

Bersuluhkan matahari

Bergelangan mata orang banyak.

(H Idrus Hakimy Dt Rajo Penghulu, Rangkaian Mustika Adat Bersandi Syarak di Minangkabau, Remaja CV, Bandung 1986 m/s 10)

Inilah adat yang perlu dinilai semula dari semasa ke semasa, sesuai dengan pepatah adat yang berkata:

Kain dipakai usang,

Adat dipakai baru:

Lapuk-lapuk dikajangi,

Usang-usang ditarui...

Dengan syarat pantun yang berikut ini diberikan perhatian yang berat:

Sudah bergaris bak si pasin,

burung bakik sudah berjejak:

Habis tahun berganti musim,

sendi adat jangan dianjak.

(Idem m/s 30- 31)

Adat nan kawi bagi suatu perkahwinan ialah aqad nikah. ‘Aqad’ (mengesahkan kontrak menjadi suami isteri). Apabila beragama Islam, adat dan peraturan perkahwinan

yang diamalkan sebelum Islam tidak dilakukan lagi kecuali beberapa tradisi yang dianggap tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam pada itu, terdapat beberapa tradisi yang disangskian samada bercanggah atau tidak dengan ajaran Islam seperti, bersanding, memberi hadiah, jamuan, bunga telur, berinai dan sebagainya masih juga diamalkan orang hingga sekarang.

Menurut Islam, sahnya suami isteri itu ialah dengan kontrak aqad nikah (ijab Kabul) dengan rukun dan syarat yang tertentu. Tanpa nikah, suami isteri dan segala yang terhubungkait dengan kesuami-isterian adalah tidak sah.

Selain daripada wajib nikah, disunatkan pula tiga perkara dilakukan untuk pasangan suami isteri baru, iaitu :

Dibacakan khutbah nikah untuk memberi nasihat dan peringatan kepada pengantin dan sekalian yang menyaksikan pernikahan itu.

Didoakan pengantin itu supaya berkat hidupnya.

Dibuat walimah (jamuan; kenduri kahwin) secara sederhana dan dirayakan dengan bunyi-bunyian yang diharuskan syarak, sesuai dengan kehendak perbilangan adat:

ayam putih terbang siang

bersuluhkan matahari

bergelanggang mata orang banyak...

Sebelum diadakan adat istiadat nikah, ada beberapa adat yang terdadat dan adat yang diadatkan (tidak selari dengan ajaran agama Islam tetapi tidak juga bercanggah dengan syarak) yang sesuai dengan kehendak mamang adat.

Sigai mencari enau

enau tetap sigai berpindah

datang berjemput pergi berhantar...

itu dilakuakan sebagai mukadimah perkahwinan. Sebelum perkahwinan dilangsungkan masyarakat perlu mendahului beberapa upacara lain terdahulu antaranya ialah upacara merisik, upacara bertunang dan akhir sekali upacara perkahwinan. Peringkat pertama ialah merisik yang bertujuan untuk mengetahui tentang latar belakang gadis tersebut sama ada dia telah berpunya ataupun tidak. Sekiranya didapati gadis itu belum berpunya, barulah dijalankan peringkat kedua iaitu upacara peminangan. Kebiasaannya pihak lelaki akan menghantar rombongan peminangan yang terdiri daripada orang-orang tua sebagai orang tengah dalam menjalankan urusan peminangan dari tawar-menawar sehingga selesai urusan tersebut yang dijalankan dalam bentuk berpantun. Sekiranya peminangan itu diterima, sebentuk cincin ditinggalkan iaitu sebentuk cara adat dan sebentuk lagi cara syarak. Dalam adat temenggung, sekiranya pihak lelaki merasa bimbang tunangnya diambil orang, maka pihak lelaki akan membayar separuh daripada belanja kahwin. Ini adalah kerana adat temenggung lebih mementingkan belanja kahwin daripada mas kahwin. Sekiranya berlaku kesalahan, pihak perempuan terpaksa membayar belanja kahwin dua kali ganda kepada pihak lelaki. Sebaliknya jika pihak lelaki yang memutuskan pertunangan atau membuat helah maka belanja kahwin tersebut akan hangus.

Setelah selesai peringkat kedua barulah dijalankan peringkat ketiga iaitu perkahwinan. Peringkat ini meliputi majlis akad nikah, berinai dan bersanding. Selain daripada itu, sesetengah kata-kata adat dan bidalan dianggap sebagai satu kemestian undang-undang atau peraturan masyarakat yang perlu dipatuhi dan kadang-kadang menjadi pantang larang dalam masyarakat itu. Sastera Rakyat juga berfungsi sebagai alat perhubungan atau komunikasi yang paling unik dalam sesuatu adat istiadat tertentu, misalnya dalam pinang meminang.

(Kajian Kesusasteraan Melayu Klasik, 1989 : 7)

Dalam adat Melayu pantun menggambarkan kelembutan budi dan bahasa masyarakat yang mengamalkannya. Pantun terjadi secara lisan, pengolahan isi dan kata memancarkan nilai indah dalam berkomunikasi di samping isi dan makna hendaklah tepat dengan maksud yang di sampaikan.

Bahasa merendah diri dan puitis ini terdapat dalam istiadat pinang-meminang dan kerap kali pantun digunakan sebagai mukadimah atau ‘pembuka cakap’. Pihak yang menanti (perempuan) biasanya akan bertanya kepada pihak yang mendatang (lelaki) akan hajat mereka berkunjung. Aktiviti berbalas pantun diselang-selikan dengan lawak jenaka serta ketawa sambil menyorong tepak sirih. Biasanya, sebelum adat peminangan diadakan, upacara merisik dilakukan terlebih dahulu supaya urusan peminangan tidak tergendala. Contoh pantun yang diungkapkan ialah:

Perahu kolek di hilir tanjung,

Sarat bermuat tali-temali;

Salam tersusun sirih jugjung,

Apa hajat sampai ke mari?

Malam-malam pasang pelita,

Pelita dipasang atas peti;

Kalau sudah bagai dikata,

Sila terangkan hajat dihati.

(Md. Ali Bachik, 1989:63-63)

Semasa majlis perkahwinan diadakan, terdapat juga penggunaan pantun yang digunakan.

Pantun daripada pihak lelaki:

Orang mengail diatas jejambat,

Dapat seekor si ikan limbat,

Kalau hati sudah berhajat,

Pokok nibong pun kami panjat.

Jawapan daripada pihak perempuan:

Kalau roboh Kota Melaka,

Papan di jawa kami tegakkan,

Kalau sungguh bagai dikata,

Badan dan nyawa kami serahkan.

Selanjutnya adat bersanding turut disertakan dengan upacara menepung tawar dan merenjis air mawar. Dalam tempoh persandingan, pantun mengusik pengantin boleh dituturkan oleh sesiapa sahaja dalam majlis. Ini kerana pantun merupakan alat pengucapan masyarakat melayu sejak dahulu. Sebuah pantun mengandungi maksud yang hendak disampaikan selain mengungkapkan perasaan dengan bahasa yang halus dan indah. Pantun juga turut menceriakan sesuatu majlis dan pantun yang digunakan adalah berbeza mengikut situasi dan majlis yang diadakan serta bersesuaian dengan penggunaannya.

1.2 ADAT PERKAHWINAN TEMENGGUNG

a) Merisik

Merisik merupakan langkah pertama dalam adat perkahwinan jenis ini.

Hal ini, diutarakan sendiri oleh Kurator Muzium Sejarah Melaka, Encik Khamis Abbas. Menurut beliau, merisik dilakukan apabila terdapat anak lelaki dewasa dalam sesebuah keluarga yang mencari seorang gadis untuk dijadikan isteri oleh ibu bapanya, hasrat itu akan disampaikan kepada salah seorang ahli keluarga yang akan bertindak sebagai orang tengah (perisik).

Si perisik ini nanti akan mengintip kelakuan dan kerajinan seorang gadis yang dirasakan sesuai dengan datang melawat ke rumah jiran gadis tersebut. Jika baik, si perisik tersebut akan memaklumkannya kepada kedua orang tua gadis tersebut.

b) Upacara Tanda Jadi

Jika kedua orang tua tersebut berpuas hati, mereka akan menghubungi keluarga tersebut untuk berbincang mengenai pinangan, hantaran dan tarikh bertunang. Dalam upacara tersebut, tepak sireh yang telah disusun indah akan dibawa oleh pihak lelaki. Upacara ini biasanya dilakukan dengan serba ringkas.

Ini kerana tepak sireh tidak diiringi dengan barang lain. Sekiranya kedua pihak bersetuju dengan apa yang dibincangkan, sebentuk cincin tanda akan jadi akan disarungkan sebagai tanda jadi ke jari manis si gadis.

c) Upacara Pertunangan

Tidak lama selepas Upacara Tanda Jadi, keluarga lelaki akan menghantar suatu deligasi yang diketuai oleh Tok Sidang ke rumah gadis. Kedatangan mereka akan disambut oleh Tok Sidang keluarga perempuan dan perbincangan dimulakan dengan dendan serangkap pantun dari kedua belah pihak. Setelah sepakat, tarikh pernikahan ditetapkan dan pihak lelaki akan membayar separuh daripada wang hantaran yang telah dipersetujui kepada keluarga si gadis sebagai pengikat pertunangan. Jika pertunangan ini diputuskan angkara lelaki, wang tersebut dikira hangus manakala jika datangnya daripada pihak perempuan, pihaknya terpaksa membayar dua kali ganda daripada jumlah tersebut. Bahasa adat yang menerangkan hal itu ialah ‘helah si lelaki luncur, helah si perempuan ganda’. Kemudian acara menukar hadiah diadakan diikuti dengan upacara menyarung cincin tunang. ‘Cincin belah rotan’ yang dijadikan cincin tanda pertunangan itu melambangkan pengikatan yang teguh lagi sempurna. Peribahasa Melayu yang mengatakan: tiada rotan akar berguna, memberitahu kita bahawa jika tiada rotan, akar pun jadi, tetapi jika ada rotan: itulah yang sebaik-baiknya. Mengambil sempena keadaan itu, diadatkan oranglah: cincin belah rotan sebagai cincin tanda yang simbolik.

Tentang pakaian sepersalinan dan pisang serta hasil kampung yang mengiringi hantaran tanda pertunangan itu melambangkan kesanggupan si jejaka menanggung sandang pangan isterinya setelah ia dipersatukan dengan tunangnya sebagai suami isteri yang sah. Pisang (yang setangkup dua sisir) itu melambangkan kesepakatan dan kerukunan rumahtangga yang akan didirikan.

Selesai pihak lelaki mengisytiharkan pertunangan itu, pihak perempuan akan mengesahkan perasmian itu sambil mengucapkan terima kasih atas ‘hantaran’. Biasanya majlis memancang/ menghantar tanda (pertunangan) itu diakhiri dengan doa selamat dan kenduri kecil. Tiap orang yang datang dari pihak lelaki akan pulang membawa ‘berkat’ (sebungkus pulut inti). Jika pada hari walimatul-urus, para tetamu akan dibawakan bunga telur berpulut kuning (kunyit) maka tetamu majlis pertunangan itu dibawakan pulut inti.

Kata orang: pulut itu melambangkan harapan mudah-mudahan kasih yang baru disemai itu akan kukuh lekatnya; dan akan memberi kesan yang manis dalam kehidupan dua manusia yang hendak dijodohkan itu.

d) Hantaran Belanja

Pada tarikh yang dijanjikan upacara menghantar belanja dijalankan. Kedua-dua belah pihak diketuai oleh Ketua Kampung atau Ketua Syarak. Wang hantaran itu biasanya diiringi dengan persalinan untuk si gadis. Ia digubah dalam berbagai bentuk atau dibungkus dalam kain sahaja mengikut adat daerah masing-masing. Iringan yang lain termasuk bunga rampai; sireh junjung atau tepak sireh sahaja; pahar telor merah dan nasi semangat; alat solek; buah-buah atau lain-lain.

e) Memulih Rumah / Tepung Tawar

Tradisi ini bertujuan untuk menjauhkan gangguan syaitan dan dengki khianat. Ianya dijalankan di rumah perempuan sebelum upacara menghias rumah diadakan. Seorang tua berilmu akan menepung tawar. Beras putih/kuning, bertih, tepung tawar dan daun sepulih diperlukan untuk upacara tersebut. Sambil membaca ayat kursi, tepung tawar akan direnjis disekeliling rumah. Setelah selesai daun akan dilekatkan ditiang seriumah. Bahan- bahan yang diperlukan dalam upacara ini ialah:

- a. Beras putih
- b. Beras kuning
- c. Bertih
- d. Tepung tawar
- e. Daun sepulih

f) Majlis Berpakat / Dirikan Penanggah

Pada masa ini, rumah si pengantin perempuan akan menjadi sibuk kerana tarikh perkahwinan sudah semakin hampir. Persiapan awal yang perlu dilakukan ialah menentukan mak andam, memilih ternakan, menyediakan barang hiasan, makanan dan menjemput saudara-mara. Dalam perjumpaan itu, mereka bermuafakat tentang menentukan orang yang bertanggungjawab dalam menjayakan majlis perkahwinan itu. Orang-orang yang terlibat dalam perjumpaan

itu diberikan tugas- tugas khusus. Antara tugas –tugas yang ditetapkan dalam majlis itu ialah:

- a. Mendirikan penanggah - penanggah akan didirikan seminggu sebelum hari langsung di mana pemuda-pemuda kampung akan ke hutan untuk mencari kayu untuk membuat bangsal dan balai.
- b. Penanggah – tempat makan tetamu, balai air,tempat memasak, tempat menyedia makanan dan menyimpan pinggan mangkuk
- c. Masak- memasak
- d. Menyajikan makanan – lauk- pauk dan kuih- muih
- e. Melayan tetamu
- f. Menyembelih dan melapah daging
- g. Mengangkat dulang lauk dan kuih
- h. Membasuh pinggan mangkuk
- i. Menghias rumah
- j. Menyediakan kuih- muih

g) Berinai Curi

Upacara awal yang di lalui oleh pengantin, khususnya pengantin perempuan ialah berinai curi. Upacara ini diadakan sekurang-kurangnya satu malam, tetapi ada keluarga yang sanggup mengadakan majlis ini selama tiga, lima atau tujuh malam. Pada malam itu, jari-jari tangan dan kaki serta tapak tangan dan juga sekeliling tapak kaki pengantin diinai. Tujuan pemakaian inai adalah untuk

menaikan seri pengantin serta menandakan bakal pengantin perempuan sudah bersedia memasuki gerbang perkahwinan.

Pengantin perempuan memakai pakaian pengantin, iaitu baju kebaya labuh, kain songket, sanggul bulat dan kasut seret bertekat benang emas. Pengantin dilatih oleh tukang andam untuk menjadi pengantin. Tukang andam membetulkan cara pengantin berjalan, cara duduk diatas pelamin, cara membuka dua tapak tangan semasa diinai dan cara mengangkat sembah. Majlis ini merupakan majlis bersuka-sukaan di kalangan saudara-mara pengantin.

h) Berinai Kecil

Upacara ini juga dikenali sebagai “berinai cun” dimana ia akan menandakan bermulanya persiapan pengantin. Ia dijalankan dengan menudukkan pengantin perempuan di dalam biliknya dan seorang perempuan dewasa akan meletakkan inai ke jari dan telapak tangannya. Upacara ini dilangsungkan selama kira-kira dua hingga tiga jam dan selama itulah pengantin terpaksa membatukan dirinya. Selalunya adik-beradik dan saudaranya akan turut berinai sekali bersama si pengantin.

i) Berandam

Berandam atau mengandam ialah kerja- kerja menghiaskan pengantin agar pengantin kelihatan berseri atau bersemangat untuk menghadapi hari

perkahwinan. Tugas ini dipertanggungjawabkan kepada tukang andam (Mak Andam) kerana dia mempunyai kebolehan atau kemahiran yang dipusakai turun-temurun. Pada mulanya Mak Andam akan menjampi sekapur sireh yang dikenali sebagai ‘sireh pemanis’ (penyeri muka) untuk dimakan oleh pengantin perempuan bagi menaikkan seri di wajah pengantin tersebut dan menghilangkan warna pucat di muka. Antara jampi yang dibaca oleh Mak Andam adalah seperti berikut:

Sireh kuning ganggangnya kuning

Jadi santapan dewi puspa

Tiada berkelip mata yang memandang

Tiada yang berkelip hati yang mengenaang

Seperti memandang puteri Nabi

Makan sireh serta berkapur

Sepah jatuh ke rongkongan

Seri naik ke muka

Berkat kata, La illaha ill...Allah

(Noor Ashikin Ismail, 1991)

Dengan ilmu dan kelengkapan yang dimiliki olehnya, Mak Andam sentiasa menjaga imej pengantin sehingga majlis perkahwinan selesai. Dalam kerja mengandam, Mak andam menggunakan alat-alat berikut:

- a. Bertih
- b. Beras basuh padi
- c. Tepung tawar
- d. Kain putih
- e. Gunting atau pisau cukur
- f. Tempat bara
- g. Kain hitam

j) Upacara Akad Nikah

Ini merupakan upacara kemuncak bagi minggu perkahwinan itu sendiri.

Sebelum upacara itu dimulakan, Tok Imam akan berjumpa dengan pengantin perempuan untuk meminta persetujuan. Pada hari yang ditetapkan, pengantin lelaki akan datang dan dipelawa masuk. Tok Sidang sebagai wakil keluarga pengantin perempuan akan mengalukan mereka dengan berpantun dan ada kalanya “tol” terpaksa diberikan kepada kanak-kanak dan saudara-mara pengantin perempuan. Setelah hantaran diterima barulah upacara nikah dimulakan.

Upacara akad nikah dijalankan sebelum upacara berinai besar dan bersanding. Imam mewakili wali perempuan menjadi jurunikah. Dalam upacara ini juga disahkan hantaran dan lain-lain. Mas kahwin disebut samada hutang atau tunai. Mas kahwin akan diserahkan kepada pangantin perempuan dan menjadi haknya. Dari saat ini sahlah mereka menjadi suami isteri.

k) Upacara Membatal Air Sembahyang

Selesai akad nikah, pengantin lelaki akan diapit oleh masuk ke kamar pengantin perempuan di mana pengantin perempuan telah sedia menanti dengan sanggul lintang ditemani mak andam. Sebentuk cincin akan disarungkan ke jari manis pengantin perempuan sebagai tanda “batal air sembahyang”. Selepas kedua pengantin bersalaman, acara berinai besar akan diadakan dimana kedua mempelai akan disandingkan.

I) Sambutan Raja Sehari

Pada waktu yang ditetapkan, pengantin lelaki akan ke rumah pengantin perempuan diiringi pengapit, pasukan kompong dan pemegang bunga manggar. Pengantin perempuan akan bergerak menuju ke arah pengantin lelaki dengan irungan paluan kompong dan mereka akan didudukkan di satu balai khas. Mereka kemudiannya akan dipertunjukkan silat selama dua puluh hingga tiga puluh minit sebagai tanda hormat kepada mempelai.

Selepas itu, adanya acara di mana pengantin akan berganti pakaian pada hari langsung. Pelbagai jenis pakaian tradisional akan digayakan oleh pengantin. Ini bukanlah adat tetapi lebih merupakan amalan.

Pada hari lansung, kedua mempelai akan disandingkan atas pelamin dan akan ditepong tawar oleh keluarga kedua belah pihak. Upacara bersanding ini dijalankan dalam suasana meriah dan penuh warna-warni.

Tetamu juga akan turut di jamu makan. Majlis makan ini akan berjalan sepanjang hari sesuai dengan hasrat tuan rumah untuk menjamu tetamu

sepuasnya. Kekenangan tetamu akan dianggap dapat menyempurnakan kehidupan kedua pengantin.

m) Jemput Menantu

Majlis jemput menantu atau ‘menyambut menantu’ diadakan di rumah pengantin lelaki. Pengantin perempuan dijemput datang ke rumah pengantin lelaki biasanya dibuat pada hari ketiga, kelima atau seminggu selepas diadakan majlis persandingan.

1.3 ADAT PERKAHWINAN PERPATIH

Proses perkahwinan adat perpatih biasanya melalui tiga tahap utama iaitu Adat Merisik, Adat Meminang, dan Majlis Pernikahan.

a. Adat Merisik

Pada masa dahulu adat merisik dijalankan oleh kedua ibu bapa pihak lelaki tanpa pengetahuan anak lelakinya mahupun gadis yang dipinangnya. Tujuannya adalah untuk mengetahui suku manakah yang si gadis berada agar tidak terjadi perkahwinan sesama suku.

b. Menghantar Tanda / Meminang

Setelah merisik, adat “menghantar tanda” ataupun meminang dijalankan. Untuk meminang ini, pihak lelaki akan menyediakan sebentuk cincin yang dinamakan “cincin tanya”. Cincin ini akan digunakan dalam upacara membatalkan air sembahyang nanti. Jenis cincin yang digunakan ialah cincin belah rotan ataupun cincin beronta. Cincin ini akan diikat dengan benang. Warna-warna benang ini adalah mengikut warna bendera suku. Simbol dan perlambangan akan digunakan pada ketika ini. Jika benang yang dipintal adalah pendek, bermakna pihak lelaki ingin agar upacara persandingan segera dilakukan dan begitu sebaliknya.

Urusan menghantar cincin ini diserahkan kepada ‘orang semenda’. Bagi pihak lelaki dan diterima oleh ‘buapak’ pihak perempuan. Jika pihak perempuan menerima, cincin ini tidak akan dikembalikan. Jika tidak ia hendaklah dikembalikan secara baik.

c. Majlis Berkampung

Setelah itu majlis berkampung akan diadakan bagi menentukan tarikh yang sesuai untuk diijabkabulkan. Dalam majlis kampung, semua saudara-mara, orang semenda, waris sekoden serta suku mesti menghadirkan diri. Jika tidak majlis terpaksa dibatalkan.

d. Majlis Kahwin

Sementara majlis kahwin diadakan mengikut kemampuan tuan rumah. Bagi yang berkemampuan, majlis diadakan selama dua hari, dua malam.

e. Malam Pertama / “Malam Berkonak”

Malam pertama dikenali sebagai “malam berkonak” (nikah) dan malam keduanya adalah “malam langsung”.

f. Malam Kedua / Malam Langsung

Semasa adat perkahwinan berlangsung, wakil pihak lelaki akan menyerahkan tepak sireh kepada pihak perempuan sambil menghulurkan jari sepuluh dan mengangkat tangan dengan membawa tepak sireh. Setelah lembaga menyerahkan pada Tuan Imam, barulah, imam akan mengetuai akad nikah.

Adat perkahwinan ini amat menitikberatkan majlis gotong-royong. Seminggu dua, sebelum majlis berlangsung, majlis berkampung akan diadakan untuk membahagi kerja. Di dalam menjayakan sesuatu majlis perkahwinan, tiga kumpulan memainkan peranan besar iaitu “Waris menungket”, “Buapak” dan “Sekoden”. Waris menungket memainkan peranan penting kerana mereka yang akan melakukan kerja-kerja berat seperti mencari kayu api, mengangkat air, menghidang nasi, melayan tetamu dan sebagainya.

Buapak pula mesti diketengahkan sebagai ketua bagi memastikan majlis berjalan dengan lancar dan teratur. Jika tidak buapak berhak membatalakan majlis perkahwinan ini. Sekoden pula merupakan orang yang bertanggungjawab menguruskan perkahwinan pada hari tersebut. Kekuatan dan pengaruh sekoden amat jelas. Andainya sekoden tidak setuju dengan majlis yang diadakan, para tetamu khuatir untuk turut sama meraikan majlis itu. Ini kerana sekoden berhak menghalau tetamu yang datang berkunjung.

Selain itu, jiran atau saudara-mara akan meringankan tuan rumah dengan menyumbangkan beras, pulut, telur, ayam dan lain-lain barang untuk kegunaan di hari langsung nanti. Adat ini dinamakan “menanam”. Pada hari langsung pula para jemputan biasanya membawa segantang beras, seekor ayam dan dua biji kelapa sebagai hadiah kepada tuan rumah.

g. Majlis “Menikam Jejak” / “Menyalang”

Selesai majlis kahwin akan diadakan pula majlis “menikam jejak” atau “menyalang” dan “majlis berbesan”. Dalam Majlis menikam Jejak, pengantin lelaki dan perempuan akan membawa tepak sireh dan boko yang berupa pengangan ataupun wajik ke rumah pengantin lelaki dan saudara-mara sebelah lelaki. Sebagai balasan saudara-mara lelaki akan memberi pinggan-mangkuk sebagai memberkati pasangan yang hendak memulakan hidup baru itu.

h. Majlis Berbesan

“Majlis berbesan” pula diadakan oleh keluarga pengantin lelaki. Ayah pengantin lelaki akan membuat kenduri dan menjemput besannya (ibu bapa pengantin perempuan) datang untuk berkenal-kenalan dan merapatkan hubungan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji perlu terlebih dahulu memahami objektif kajian sebelum menjalankan kajian terhadap Temenggung dan Perpatih satu perbandingan adat istiadat perkahwinan.

i. Objektif Am

Penggunaan adat Temenggung dan Perpatih dalam adat istiadat perkahwinan.

ii. Objektif Khusus

Objektif kajian ini yang pertama ialah ingin melihat perbandingan adat Temenggung dan Perpatih dalam adat istiadat perkahwinan.

Selain itu, objektif yang kedua ialah ingin melihat adat istiadat perkahwinan dan perubahan dalam masyarakat Melayu sekarang.

Objektif yang ketiga ialah ingin mengetahui sejauhmana kepentingan adat tersebut dalam kehidupan masyarakat Melayu pada masa kini. Manakala objektif yang keempat ialah ingin

mengetahui apakah punca-punca yang menyebabkan sebahagian daripada adat dan upacara perkahwinan dalam masyarakat Melayu ini hilang.

1.5 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat pada masa sekarang sudah tidak ramai yang mengetahui tentang penggunaan adat istiadat dalam upacara perkahwinan. Adat perkahwinan wujud di negeri-negeri Melayu dan dalam kehidupan masyarakat itu sendiri sama ada menerusi adat temenggung mahupun adat perpatih.

Adat temenggung dan perpatih dapat di kategorikan sebagai hukum adat di negeri-negeri Melayu. Adat temenggung telah memberi keistimewaan yang lebih kepada kaum lelaki, pembahagian hak waris atau pesaka diberi keutamaan kepada kaum lelaki. Manakala adat perpatih adalah sebaliknya yang telah memberi hak keistimewaan dan pengiktirafan kepada kaum perempuan berdasarkan perut. Pembahagian hak waris atau pesaka dipentingkan kepada kaum perempuan. Tetapi pembahagian hak ini perlu ditegaskan bahawa ia hanya diwakafkan kepada kaum perempuan dan bukan berdasarkan faraid sebagaimana yang difahami oleh sesetengah pihak. Dalam masyarakat Melayu pada masa sekarang, penggunaan adat tersebut semakin dilupakan. Belum ada lagi yang melihat berbandingkan antara kedua adat tersebut

dalam adat istiadat perkahwinan. Oleh itu, pengkaji ingin mengetengahkan perbandingan yang ada dalam kedua adat tersebut dalam adat istiadat perkahwinan.

1.6 SKOP KAJIAN

Mengkaji perbandingan adat Temenggung dan Perpatih dalam adat istiadat perkahwinan.

Kajian dijalankan di negeri Kelantan, negeri Melaka, negeri Sembilan dan juga di Muzium Adat (kajian lapangan).

1.7 PERSOALAN KAJIAN

1.7.1 Apakah perbezaan antara adat Temenggung dan Perpatih dalam adat istiadat perkahwinan.

1.7.2 Kenapa adat istiadat perkahwinan Melayu ini semakin dilupakan dalam masyarakat sekarang.

1.7.3 Apakah perubahan yang berlaku dalam perkahwinan masyarakat Melayu kita.

1.7.4 Apakah punca-punca yang menyebabkan sebahagian daripada adat dan upacara perkahwinan dalam masyarakat Melayu ini hilang.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui adat istiadat dalam perkahwinan Melayu. Kajian ini penting untuk memberitahu kepada generasi akan datang mengenai makna dan keistimewaan adat tersebut yang belum diketahui oleh khalayak. Kepentingan kajian ini ditujukan kepada lima arah iaitu ;

Kepentingan adat istiadat perkahwinan Melayu kepada individu ialah individu tersebut dapat mengenali adat yang mereka belum ketahui. Melalui penghasilan kajian ini akan memberi lebih pengetahuan kepada individu untuk mengenali lebih mendalam serta menyelami maksud yang tersirat disebalik adat tersebut.

Masyarakat dapat menyayangi khazanah warisan bangsa yang terdahulu serta dapat menilai adat tersebut yang memberi maksud serta makna yang mendalam serta tertib aturannya dalam kehidupan masyarakat kita. Koleksi adat juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan menjadi tambahan bahan rujukan kepada sesebuah institusi dalam sesebuah masyarakat.

Melalui kajian ini juga, dapat memberi kesan kepada negara sama ada melalui bidang sosial, politik atau ekonomi. Selain itu, kemajuan negara dapat dipertingkatkan

dengan adanya pelbagai pertubuhan atau badan-badan kerajaan yang menjaga atau mengekalkan koleksi adat Melayu ini. Selain daripada itu juga, negara dapat menambahkan bahan rujukan seperti himpunan adat-adat melayu sebagai intelektual bangsa.

Dalam bidang usahawan ini koleksi adat-adat melayu boleh dihasilkan dalam bentuk animasi atau dalam bentuk CD iaitu merekod pantun dan acara perkahwinan masyarakat Melayu bagi memudahkan masyarakat untuk menghayati pantun dan majlis perkahwinan yang penuh beradat tersebut. Dengan ini masyarakat akan mengetahui jenis-jenis pantun mengikut acara majlis yang berbeza mengikut kesesuaianya. Selain daripada itu, pantun-pantun ini juga dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar.

1.9 BATASAN KAJIAN

Dalam menjalankan sesuatu kajian setiap permasalahan pasti akan berlaku kepada pengkaji. Masalah inilah yang akan merumitkan lagi kerja kepada pengkaji dalam mengutip sumber data mengenai projek yang ingin dijalankan. Antara masalah yang dikenalpasti ialah:

- i. Responden tidak memberi kerjasama dalam temubual sebagaimana yang di inginkan.
- ii. Kekurangan sumber rujukan ilmiah.
- iii. Faktor jarak yang jauh diantara negeri Kelantan, negeri Melaka dan negeri Sembilan.

1.10 DEFINISI ISTILAH

a. Adat

Adat merupakan peraturan yang di amalkan secara turun-temurun dalam sesebuah masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang wajib dipatuhi.

Adat ini juga dikatakan suatu norma kehidupan bermasyarakat Melayu yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka sejak dahulu kala. Adat ialah cerminan fikiran dan perasaan yang jernih yang dilandasi oleh keinginan yang mulia, iktikad yang baik dan ditunjangi oleh usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperolehi kebebasan baik lahir mahupun batin. Ini Cuma dicapai melalui muafakat (Dalkhikmal,1996:8).

b. Istiadat

Istiadat pula merupakan peraturan atau cara melakukan sesuatu yang dapat diterima sebagai adat. Adat dan istiadat saling berkaitrapat diantara satu sama lain yang tidak dapat dipisahkan.

c. Adat Temenggung

Diasaskan oleh Tok Temenggung, adat ini memberikan keistimewaan yang lebih kepada pihak lelaki.

d. Adat Perpatih

Diasaskan oleh Tok Perpatih, adat ini memberikan keistimewaan dan lebih memihak kepada kaum perempuan berdasarkan perut, dan pembahagian hak waris atau pesaka dipentingkan kaum perempuan.

e. Teromba

Menurut Mohd Taib Osman, teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan adat perpatih dan menerangkan adat dasar (Mohd Taib Osman, 1975:136).

Harun Mat Piah menjelaskan bahawa teromba yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutamanya adat perpatih dan adat temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di negeri Sembilan dan Melaka (Harun mat Piah, 1989:424)

f. Perkahwinan

Dari segi bahasa, kahwin (nikah) bererti berkumpul atau berhimpun.

Dari segi istilah, kahwin bermaksud menemukan pasangan suami isteri berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Melalui cara tersebut, maka sahihlah perkongsian hidup suami isteri yang berada dalam naungan akidah, syariah, akhlak seperti yang telah dicatatkan dalam kandungan al-Quran dan hadis.

g. Beras kuning (beras kunyit) , bertih

Padi yang digoreng tanpa menggunakan minyak masak. Kulit padi terpisah daripada isinya.

h. Bertanam

Memberi hadiah kepada tuan rumah yang mengadakan majlis perkahwinan. Hadiah itu dianggap sebagai menabur budi dan budi ini akan dibalas apabila penyumbang hadiah mengadakan majlis perkahwinan.

i. Cincin Tanya

Cincin yang diberikan kepada ibu bapa gadis (dara) semasa merisik.

j. Cincin tanda

Cincin yang diberikan kepada gadis sebagai tanda pertunangan.

k. Cincin kahwin

Cincin yang dihadiahkan oleh suami kepada isteri pada hari perkahwinan.

l. Merisik

Mengirim orang untuk menyiasat si dara samada sudah berpunya atau belum. Kalau belum berpunya si dara ini ingin dipinang.

m. Penanggah

Khemah sementara yang digunakan untuk menjalankan operasi tertentu, terutama digunakan dalam majlis perkahwinan.

n. Sireh junjung

Sireh yang dibawa semasa menghantar belanja atau menghantar tanda. Biasanya daun sireh diatur dan dibentuk atau dibina dalam pahar. Sireh ini dihulur terlebih dahulu apabila rombongan lelaki sampai ke rumah keluarga si dara.

o. Tepak sireh

Kotak kecil yang diperbuat daripada kayu atau logam untuk diletakkan sireh, kapur, gambir dan kacip, tepak sireh berfungsi sebagai pembuka bicara perundingan.

p. Wang hantaran

Wang yang dihantar oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan (dalam perkahwinan)

1.11 KESIMPULAN

Adat Melayu merupakan cerminan kepada bangsa Melayu itu sendiri. Kekayaan adat ini melambangkan ketinggian nilai dalam kehidupan masyarakat. Adat ini boleh dikatakan sering di amalkan dalam kehidupan masyarakat seharian, tetapi fokus utama dalam kajian ini hanya tertumpu kepada adat istiadat perkahwinan temenggung dan juga Perpatih sahaja. Adat istiadat dalam perkahwinan masyarakat Melayu pada hari ini sudah banyak yang berubah berbanding dengan masyarakat dahulu. Oleh yang demikian, perubahan ini hendaklah di kaji dan di teliti kenapa boleh berlaku sedemikian agar semua persoalan akan terjawab dan apa yang baik kita sebagai generasi pelapis haruslah meneruskan tradisi tersebut dan apa yang tidak baik atau bercanggah dengan agama Islam kita tinggalkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.12 STRUKTUR BAB LAPORAN PENYELIDIKAN

BAB 1

Antara perkara yang perlu ada dalam bab satu ialah pengenalan; definisi adat, asal-usul adat temenggung dan perpatih, penggunaan dan perbandingan adat temenggung dan perpatih dalam istiadat perkahwinan, objektif kajian, pernyataan masalah, skop kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konsep dan kesimpulan.

BAB 2

Bab dua pula merupakan perkara yang menjelaskan tentang kajian yang terdahulu yang telah dijalankan oleh tokoh- tokoh terdahulu sama ada dari tempatan maupun barat. Terdapat pelbagai pandangan dan pendapat daripada tokoh- tokoh terdahulu dalam kajian yang dijalankan.

BAB 3

Bab tiga pula ialah berkaitan dengan metodologi, iaitu merupakan perkara yang perlu ada dalam bab tiga dan merangkumi langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengkaji semasa proses penyelidikan dijalankan sejak dari awal hingga akhir.

Metodologi juga merupakan suatu prosedur yang sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna.

Bab ini menerangkan tentang rangka teori, rangka kajian, responden dan persampelan, borang kaji selidik, dan juga kaedah yang di gunakan untuk menganalisis pengumpulan data.

BAB 4

Bab ini berkaitan dengan analisis dapatan data. Pengkaji menggunakan kaedah data kualitatif iaitu secara rujukan buku, temubual, pemerhatian dan penyertaan serta kajian lapangan.

BAB 5

Bab ini merangkumi perbincangan, cadangan dan juga kesimpulan. Pengkaji menyertakan beberapa cadangan yang boleh diambil bagi memelihara serta memperkenalkan kekayaan adat istiadat temenggung dan perpatih dalam perkahwinan kepada umum serta di harapkan agar adat istiadat tersebut dapat terus di warisi kepada generasi yang akan datang.

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.1 Pengenalan

Dalam budaya Melayu umumnya, adat istiadat khasnya, ungkapan sangatlah penting kerana setiap ungkapan mampu menyimpul dan membakulkan nilai utama budayanya. Lazimnya, ungkapan dijalin dengan bahasa yang indah serta sarat dengan simbol dan makna. Dengan demikian, nilai budaya Melayu yang intinya bersumber dan berdasarkan nilai agama Islam dapat dipateri, dijalin dan dirangkai dalam ungkapan, baik berupa pantun, gurindam, pepatah, petith, bidal, ibarat, perumpamaan dan sebagainya.

Ungkapan itu selanjutnya disebarluaskan di tengah-tengah masyarakatnya, dan diwariskan turun-temurun.

Adat Melayu yang diamalkan oleh seluruh umat Melayu merupakan salah satu warisan peradaban dunia. Adat Melayu ini telah diamalkan sekitar 2000 tahun yang lalu dalam satu wilayah kebudayaan Melayu, dan berkembang bersama-sama dengan seluruh proses peradaban dan ketamadunan Melayu. Walaupun adat ini bermula secara tribal (puak atau suku) tetapi cahaya kehidupan adat itu terungkapkan terangkap oleh kewujudan kesultanan dan kerajaan Melayu yang terdapat di seluruh daerah persisir dan tanah daratan alam Melayu.

Adat Melayu bukan sekadar kebiasaan, keresaman, istiadat, tetapi juga suatu cara hidup, suatu kebudayaan yang meliputi persoalan kefitrahan manusia dan peraturan kehidupan. Adat Melayu berkembang dengan penuh kedinamikan sesuai dengan tuntutan dengan perubahan kehidupan manusia.

Seperti di tempat lain, amalan adat ini merupakan satu sistem budaya dan sistem sosial atau sistem sosiobudaya orang Melayu dan pribumi lain. Sistem ini boleh disusurgalurkan berdasarkan sebelah bapa (patrilineal) dan ibu (matrilineal). Walaupun secara keseluruhan orang Melayu dan masyarakat peribumi lain mengamalkan sistem sosial yang *kognatic*, yang menyusurgalurkan keturunan mereka di kedua belah ibu dan bapa (bilateral atau dwisisi atau dwinisab) namun masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan Naning pula menyusur galur keturunan mereka di sebelah ibu.

Sistem sosial Melayu Negeri Sembilan dan Naning dinamakan adat Perpatih manakala diluar daripada lingkungan ini dinamakan adat temenggung. Adat Perpatih diamalkan di darat manakala Adat Temenggung di amalkan di kawasan pesisir atau pantai. Kedua-dua sistem sosial atau adat ini mempunyai cerita asal-usul dan tokoh lagendanya masing-masing di samping falsafah sosial yang terungkap di dalam korpus pepatah, petith, dan perbilangan mereka.

Orang tua-tua mengatakan melalui ungkapan banyak makna yang tersimpan, atau dikatakan dalam pantun, banyak makna yang terhimpun, dalam pepatah, banyak faedah, dalam bidal banyaklah pedoman, dalam gurindam, banyak rahsia terpendam, dalam kata banyak makna.

Kehalusan budi pekerti, ketinggian akhlak dan sopan santun orang Melayu, serta nilai hakiki lainnya dapat dilihat menerusi adat dan tradisi yang diamalkan dalam masyarakat. Salah satu upacara adat tradisi yang sarat dengan ungkapan dan adat istiadat adalah menerusi upacara perkahwinan. Upacara yang sangat penting ini sarat dengan simbol dan makna, baik berupa alat dan kelengkapan upacara, mahupun ungkapan yang dipakai. Oleh yang demikian, sesuatu upacara perkahwinan hendaklah dilakukan mengikut tertib adat Melayu menerusi Adat Temenggung mahupun Adat Perpatih. Kedua-dua adat ini perlu melalui beberapa peringkat yang tertentu sebagai memenuhi adat istiadat perkahwinan. Contohnya, upacara merisik, meminang, dan akhir sekali kemuncak iaitu upacara perkahwinan.

Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih memang tidak dapat dipisahkan. Dalam teromba ini lengkap dengan sistem atau cara hidup masyarakat adat itu sendiri. Lengkap dengan falsafah panduan hidup, undang- undang dan juga keindahan bahasa. Dalam teromba juga terungkap banyak nilai hidup, contohnya berbudi, bertimbang rasa, bertanggungjawab, bersabar, tolong- menolong, bersefahaman, bersatu- padu, sama rata, bermuafakat, berkepimpinan, segan- menyegani, berwaris dan berharta pusaka.

Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih juga adalah undang- undang yang luas, peraturan hidup yang duduk dalam lingkungan adat, samada dalam tanah pesaka, ataupun tanah beli, begitu juga tanah tebusan. Aturan teromba ini tidak boleh lari daripada kenyataan iaitu, *di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung*. Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih boleh dijadikan alat untuk memahamidiri sendiri supaya tidak ada orang yang mengatakan kita tidak tahu beradat (Jabarudin Joned, 2000:1).

Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih perlu berpaksikan kepada ungkapan teromba berikut, iaitu *pada adat menghilangkan yang buruk, mengambil yang baik; pada syarak menyuruh berbuat baik; meninggalkan berbuat jahat, biar mati anak, jangan mati adat; dianjak layu, dicabut mati, adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah, syarak mengata, adat menurut*. Ungkapan teromba di atas mempunyai hakiakat yang mendalam bagi membentuk masyarakat adat yang beradab dan melicinkan lagi kepimpinan adat yang berkesan. Ungkapan teromba di atas seharusnya menjadi darah daging dan bukan hanya sebagai slogan retorik sahaja.

Sehubungan dengan itu, teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih bukanlah sekadar lambang kemegahan semata-mata. Malah perlu dipraktikkan di tempat masing-masing supaya tidak menjadi indah khabar dari rupa. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab pemimpin adat untuk memastikan tradisi ini berjalan dengan baik dan akan terus berkekalan.

2.2 Ringkasan Kajian Literature

Sejarah adat Temenggung dan Perpatih dikatakan mempunyai hubungan yang erat di kalangan tiga buah negeri iaitu, Melaka, Sumatera dan Jawa sejak zaman Sriwijaya lagi. Adat Temenggung juga dikatakan mempunyai pengaruh Pasai. Tok Temenggung yang tinggal di bahagian Melaka Selatan pada masa itu berperanan sebagai Laksamana telah dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri. Beliau telah ditugaskan untuk mentadbir masyarakat, menggubal peraturan, menetapkan hukum adat serta perkara-perkara yang berkaitan dengan politik, ekonomi, kebudayaan dan agama. Adat yang diramalkan oleh Tok Temenggung ini dijadikan asas pemerintahan negeri Melaka pada masa itu.

Tok Temenggung telah memberi keistimewaan yang lebih kepada kaum lelaki memandangkan khidmat dan sumbangan mereka yang besar terhadap negara. Mereka juga memainkan peranan penting bagi menjamin kedaulatan Kesultanan Melaka. Oleh yang demikian, dalam adat Temenggung, pembahagian hak waris atau pesaka diberi keutamaan kepada kaum lelaki.

Adat Perpatih pula dikatakan dibawa masuk melalui Kuala Linggi ke Rembau sehingga sampai ke Melaka. Tok Perpatih (orang semenda) telah dilantik mentadbir di kawasan Utara Melaka. Tok Perpatih dikatakan bersaudara dengan Tok Temenggung. Tok Perpatih mentadbir dengan caranya yang tersendiri menyusun peraturan, hukum ada dan sebagainya. Tok Perpatih telah memberikan hak keistimewaan kepada kaum perempuan memandangkan kaum ini yang telah melahirkan pemimpin negeri, pahlawan, dan alim ulamak. Oleh yang demikian, Tok Perpatih memberikan pengiktirafan kepada kaum perempuan berdasarkan perut, dan pembahagian hak waris atau pesaka dipentingkan kaum perempuan. Pembahagian hak ini perl ditegaskan bahawa ia hanya diwakafkan kepada kaum perempuan dan bukan berdasarkan faraid sebagaimana yang difahami oleh sesetengah pihak.

Memandangkan adat Temenggung dan Perpatih ini telah lama bertapak maka sedikit sebanyak telah mempengaruhi adat istiadat Melayu khususnya di negeri Melaka. Pengaruh ini dapat dilihat dalam hal pembahagian harta pesaka, status masyarakat dan adat perkahwinan. Di Melaka, daerah Naning, Alor Gajah, Jasin dan Bandar Melaka merupakan kawasan yang kuat mengamalkan adat. Pengaruh ini turut meresap dalam budaya masyarakat Melayu di negeri-negeri di Tanah Melayu.

Dalam adat perkahwinan Temenggung, seorang gadis yang hendak dipinang haruslah melalui beberapa peringkat yang tertentu. Peringkat pertama ialah merisik bagi tujuan mengetahui sedikit sebanyak tentang latar belakang gadis tersebut sama ada telah berpunya atau tidak. Selepas didapati belum berpunya, barulah peringkat kedua iaitu

peminangan. Kebiasaannya pihak lelaki akan menghantar wakil rombongan yang terdiri daripada orang tua untuk pergi meminang. Di antaranya ialah ketua syarak, bilal, serta pihak keluarga yang terdekat.

Sekiranya peminangan itu diterima, sebentuk cincin ditinggalkan, sebentuk sebagai tanda mengikut cara adat dan sebentuk lagi mengikut cara syarak. Seandainya pihak lelaki merasa bimbang tunangnya diambil orang maka pihak lelaki akan membayar separuh daripada belanja kahwin. Ini kerana Adat Temenggung lebih mementingkan belanja kahwin daripada mas kahwin. Sekiranya berlaku kesalahan, pihak perempuan terpaksa membayar belanja kahwin sebanyak dua kali ganda daripada jumlah yang telah diberi oleh pihak lelaki, tetapi jika pihak lelaki yang memutuskan pertunangan atau membuat helah maka belanja kahwin tersebut akan dianggap hangus.

Setelah selesai peringkat kedua barulah dijalankan peringkat ketiga iaitu perkahwinan. Peringkat ini meliputi majlis akad nikah, berinai dan bersanding.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Beberapa Kajian Menurut Pandangan Tokoh dari Tempatan dan Barat

Terdapat banyak pengertian adat. Dari segi etimologi, ‘adat’ berasal dari bahasa Arab yang bermaksud kebiasaan. Masyarakat alam Melayu yang telah menerima pengaruh Islam dan Arab mengetahui erti dan konsep adat.

Namun pada masa kini, adat amat jarang diperkatakan kecuali cuma sedikit dalam perundingan mengenai nikah kahwin. Justeru itu, maksud dan pengertian adat menjadi semakin sempit jika tidak semakin kabur. Suasana kabur dan mengelirukan ini menjelaskan bahawa pemikiran dan fungsi adat sudah semakin hilang dalam kamus kebudayaan dan tamadun Melayu berbanding 50 tahun yang lalu.

Sehingga sekitar tahun 1960-an masih dapat dibaca pelbagai tulisan tentang adat dalam majalah seperti *Mastika* yang sering memuatkan rencana dan perbincangan tentang pelbagai aspek berhubung adat Melayu. Perbincangan tentang adat semakin berkang setelah dekad itu kerana konsep adat ini telah digantikan dengan konsep ‘kebudayaan’ yang datangnya dari Indonesia seperti tulisan tentang adat oleh Mahmud Ahmad. Selain itu, Nik Safiah Karim telah memulakan bentuk tanggapan adat sebagai kebudayaan, hasil daripada pendidikannya di Universiti Malaya melalui bidang ilmu antropologi dan seterusnya gagasan tersebut berkembang sebagaimana sekarang.

Di samping peralihan gagasan itu, telah banyak pula berlaku salah tanggap terhadap gagasan adat oleh golongan agama terutama yang membicarakan hal adat Melayu. Tanggapan tersebut dikatakan melulu kerana menyamakan adat Melayu sebagai adat Hindhu- Buddha tanpa penelitian lebih mendalam. Tulisan oleh Dr. Othman Ishak dan Amran Kasimin yang amat terpesona dengan tulisan Winstedt melanjutkan tanggapan sedemikian sehingga pelbagai prinsip

dan gagasan asasi dalam adat menjadi anasir keilmuan dan kebijaksanaan Melayu muncul. Kegagalan dan sikap Winstedt yang amat *diffusionist*, memperkecil tamadun Melayu sehingga berani mengatakan bahawa hanya terdapat empat butir perkataan Melayu asli. Sikap seperti inilah yang dikutip oleh pengikut setia Winstedt. Amran (2002) mengandaikan betapa:

Walaupun sebahagian besar punca keperluan adat istiadat tersebut (perkahwinan) tidak difahami, namun segala bentuk adat yang telah berakar umbi itu tidak mudah ditinggalkan. Peribahasa Melayu yang berbunyi ‘Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah’ mungkin boleh dijadikan bukti untuk menggambarkan pandangan orang Melayu terhadap adat. (2002:ix).

Terdapat dua salah tanggapan dapat ditonjolkan berdasarkan contoh yang dinyatakan. Pertama, memang terdapat pelbagai ‘bentuk adat’ tetapi terdapat sebilangan adat yang sentiasa ditinggalkan, iaitu adat istiadat dan adat resam. Kedua, yang dikatakan sebagai peribahasa sebenarnya adalah lebih daripada itu. Kutipan itu merupakan pernyataan tentang pengertian, fungsi dan hubungan asasi adat dalam segala kehidupan Melayu sebagai satu kelompok masyarakat manusia yang berkebudayaan dan bertamadun sendiri.

Memang benar andaian Amran bertapa ramai manusia Melayu yang berpendidikan Barat dan mendapat didikan agama tidak faham akan adat dan kebudayaan mereka sendiri. Lebih parah lagi sikap, sikap negatif dan sinis yang mereka terhadap adat dan kebudayaan sendiri. Ungkapan *biar mati anak, jangan mati adat* sering disalahertikan, sedangkan ungkapan ini telah menjadi hukum adat yang paling asasi dalam masyarakat Melayu, baik di kalangan pemimpin, penyanyi (Andylala dalam lagunya) dan masyarakat umum. Namun harus dijelaskan juga bertapa prinsip adat ini adalah pernyataan terunggul tentang gagasan ‘keadilan’ dalam tamadun Melayu.

Sifat adat yang menyeluruh ini digagaskan serta difahami sebagai terdiri daripada tahap-tahap adat: *adat yang sebenar adat*, *adat yang diadatkan*, *adat yang teradat*, dan *adat istiadat* serta *adat resam*. Maka dalam konsep adat, segala macam amalan ini mempunyai kedudukan yang berlainan. Adat yang sebenar adat adalah hukum Tuhan yang tidak dapat diubah.adat yang teradat adalah juga amalan yang sentiasa berlaku, yang dapat berubah dan akan mati jika demikian apa lagi jika tidak diamalkan. Maka dalam konsepsi adat itu perubahan tetap ada; *sekali air bah, sekali pasir berubah; patah tumbuh, hilang berganti; dianjak layu, dicabut mati*. Dengan demikian adalah salah untuk menegaskan bahawa adat tidak berubah dan tidak boleh diubah.

Oleh sebab telah berlaku cukup banyak perubahan pada ‘adat yang diadatkan’ dan ‘adat yang teradat’ kerana desakan agama dalam masyarakat maka elok kita teliti sedikit hukum syarak dan hukum adat dalam usul *fiqh* yang membenarkan adat untuk berlaku. Terlalu ramai ulamak terkenal membicarakan hal ini termasuk Imam Jamaluddin Abdul Rahman al- Syuthi (m.911H) dan Imam Abu Ishaq al- Shatibi (m.790H/ 1388M). Menurut Imam Suyuthi ada menyebutkan betapa hukum adat itu merupakan satu daripada lima hukum yang terdapat dalam fikah. Prinsip keempat itu merupakan satu prinsip terpenting dalam pembinaan hukum Islam.

Pertama, keyakinan tidak dapat dihilangkan dengan keraguan.

Kedua, kesulitan dapat menarik kemudahan.

Ketiga, kemudaratian dapat dihilangkan.

Keempat, kebiasaan (adat) dapat dijadikan sebagai hukum.

Kelima, segala sesuatu bergantung kepada tujuan (niat).

Menurut Jabaruddin Joned, teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih (2000:1), teromba boleh dijadikan alat untuk memahami diri sendiri supaya tidak ada orang mengatakan kita tidak tahu beradat. Sehubungan dengan itu teromba dalam perkahwinan adat Perpatih bukanlah sekadar lambang kemegahan semata-mata dan perlu diperaktikkan di tempat masing-masing supaya tidak menjadi indah khabar dari rupa. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab pemimpin adat untuk memastikan tradisi ini berjalan dengan baik.

Mengikut Wilkinson, (1901:163), teromba pada maknanya yang asal ialah salasilah keturunan (genealogy) seseorang, sesuatu kumpulan masyarakat, suatu bangsa, satu sistem dan sebagainya. Teromba juga mempunyai istilah lain, antaranya ialah, “tersasul” dan “tambo”.

Menurut Mohd Taib Osman, (1975:136), teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan yang menerangkan perbilangan adat dasar. Manakala, menurut Harun Mat Piah,(1989:424), menjelaskan bahawa teromba yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka. Penggunaan teromba sebagai alat komunikasi lebih jelas terpancar dalam perkahwinan Adat perpatih yang meliputi peringkat-peringkat iaitu dalam upacara merisik, menghantar tanda dan melamar, menjawab atau menerima cincin, majlis bertunang dan bertukar cincin, menetap tarikh, istiadat perkahwinan termasuk nikah dan bersanding, menjemput pengantin dan sebagainya.

Kebiasaan dalam sesuatu upacara atau majlis pantun akan di gunakan sebagai pembuka kata tidak kiralah dalam Adat Perpatih mahupun Adat Temenggung. Contohnya pantun adat perkahwinan.

Pantun naik tanda (Adat Temenggung)

Pihak mendatang ;lelaki

Pihak menunggu ;perempuan

pihak lelak :

Assalamualaikum pembuka kata,

Pada tuan hadirin hadirat;

Tanda beradat duduk bersila,

Bagi kami membawa hajat.

Pihak perempuan:

Wa 'alaikumsalam jawapan kami,

Cahaya terang tidak samar;

Duduk bersila bersilang kaki,

Apa hajat kami nak dengar?

Pihak lelaki :

Anak bubut si anak itik,

Buah bidara di dalam guni;

Dari menyebut terus merisik,

Bagi si dara di rumah ini.

Pihak perempuan:

Tarik pukat waktu petang,

Banyak dapat ikan sembilang;

Memang sudah adat kumbang,

Datang menyeri bunga yang kembang.

Pihak lelaki:

Pasang pelita di dalam kamar,

Pada halaman di pasang lanting;

Dari berita yang kami dengar,

Bunga kembang belum di sunting.

Pihak perempuan:

Jangan dilurut padi yang muda,

kelak nanti hilang semangatnya;

mengikut kata dari penjaganya,

hendak disunting ada syaratnya.

Pihak lelaki:

Pokok kemunting tumbuh di barat,

Daun lebat tidak berbunga;

Hendak disunting ada bersyarat,

Cuba nyatakan apa benarnya?

Pihak perempuan:

Anak itik pandai berenang,

Anak ikan di dalam kali;

Memang sudah adat bertunang,

Sebentuk cincin sarung di jari.

Pihak lelaki:

Lilin sudah kami pasangkan,

Untuk menerangkan padi dilesung;

Cincin sudah kami sediakan,

Menunggu masa untuk disarung.

Pihak perempuan:

Sayur terung dimasak manis,

lemak sungguh buah berangan;

sudah disarung di jari manis,

terikat sudah tali pertunangan.

Pihak lelaki:

Sungguh licin si buah terung,

Buat sayur sedap rasanya;

Bila cincin sudah disarung,

Kami nak tahu berapa belanja.

Pihak perempuan:

Hidup kita dikandung adat,

Orang Hindu giginya putih;

Kami sudah diberi mandate,

Belanjanya RM 4000 bersih.

Pihak lelaki:

Adat air mestinya tenang,

Adat sungai mestilah berarus;

Adat dibuat dalam bertunang,

Bagaimana sekiranya putus?

Pihak perempuan:

Belah keladi dalam dulang,

Pecah cawan di atas bara;

Helah lelaki cincin hilang,

Helah perempuan cincin diganda.

Pihak lelaki:

Kelat pinang bila dimakan,

Tepi pantai menjemur kain;

Selamat bertunang kami ucapkan,

Biar sampai ke jinjang pelamin.

Pihak perempuan:

Dari pecan pergi ke Daik,

Hendak mencari gula Melaka;

Doa tuan doa yang baik,

Kami berharap begitu juga.

Pihak lelaki:

Dalam dulang berisi baju,

Tahan lukah menangguk ikan;

Sebelum pulang kami nak tahu,

Bila nikah hendak dilangsungkan?

Pihak perempuan:

Kalau dapat padi seberang,

Ikan sepat di dalam pinggan;

Kalau cepat duit yang datang,

Lagi cepat kami langsungkan.

Pihak lelaki:

Nangka ini nangka sultan,

Ambil seulas puteri bunting;

Perkara ini kami serahkan,

Kedua pihak untuk berunding.

Pihak perempuan:

Seulas nangka puteri bunting,

Membuat raja jadi murka;

Kedua pihak sudah berunding,

Pada kami menumpang suka.

Teromba meminang dalam Adat Perpatih, menerima ‘cincin tanda’.

Cakap orang semenda:

Saya bagi pihak orang semenda mengucapkan terima kasih di atas pemberian sebentuk cincin tanda bertunang. Kami menerima di atas dasarnya dan meminta kepada orang semenda seresam menerangkan.

Kok adatnya diterangkan

Kok hukumnya sama-sama kita saksikan

Cincin diedarkan sama diterima sebulat suara

Apabila dah bulat suara

Kata dah menerima

Dikembalikan kepada rombongan lelaki

Kemudian yang datangmenyarung cincin.

Maknanya, jika rombongan lelaki membawa hantaran belanja hangus dan dulang pengiring-pengiringnya, hendaklah orang semenda terima. Kemudian pihak sebelah perempuan hemdaklah membalaunya. Ini pun kerja orang semenda untuk menyerahkan barang-barang tersebut kepada pihak lelaki. Terombanya seperti berikut:

Terima kasih daun keladi

jika ada hendak lagi

jika kecil tapak tangan

dulang saya tадahkan

ada ubi ada batas

ada budi ada balas.

Saya bagi pihak majlis mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

2.4 ULASAN BUKU DAN TESIS

Berdasarkan buku Adat Perkahwinan Melayu Melaka: Himpunan Perbilangan dan Pantun (1990) dan Adat Istiadat Melayu Melaka (IKSEP, 1996). Buku ini mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian 1 mengenai peranan dan tugas datuk Sidang di Melaka. Bahagian 2 buku ini mengandungi tiga artikel hasil Seminar Adat yang telah di anjurkan oleh ISMMA berkenaan adat Melayu serta kepentingannya dalam masyarakat Melayu. Profesor Datuk Dr. Zainal Kling (Profesor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya) menulis tentang “Adat Melayu”, diikuti dengan Profesor Madya Zainal Abidin borhan (Pensyarah di Jabatan Sosiobudaya, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya) mendalamkan lagi pengetahuan adat menerusi artikel bertajuk “ Adat Istiadat Melayu”. Selanjutnya Bapak Tenas Effandy yang merupakan budayawan Riau, Indonesia menulis tentang “ Pentingnya Amalan Adat dalam Masyarakat Melayu”. Selanjutnya di Bahagian 3, diperdalamkan pengetahuan mengenai adat istiadat perkahwinan Melayu Melaka khususnya membincangkan amalan adat ini di daerah-daerah negeri Melaka.

Mengikut tradisi adat Melayu, khususnya adat perkahwinan Melayu Melaka yang masih diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melaka diberi tanggungjawab kepada Datuk Sidang yang dipanggil sebagai pengawai adat. Beliau akan bertanggungjawab dan menjadi rujukan serta wakil dari pihak pengantin lelaki dan perempuan berhubung hal ehwal adat perkahwinan.

Berdasarkan tesis “ perkahwinan dan kekeluargaan”. Epik 351: Adat Perpatih Luak Ulu Muar dan Pentadbiran Hukum Syarak. Hasil koleksi Jabatan Pembangunan dan Keluarga, Fakulti Ekologi Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Mac 1997. Menerangkan tentang pengertian Adat Perpatih serta sistem adat dalam perkahwinan masyarakat Luak Ulu Muar secara lebih mendalam.

Berdasarkan tesis Sosiologi dan Kesengganan, SOS 3010 “ Adat Perkahwinan”: kumpulan Mutiara 47, Jabatan Pembangunan Sosial, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor 1998/ 99. Menerangkan tentang Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Melaka yang terbahagi kepada dua jenis iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.5 KESIMPULAN

Pengkaji telah menyatakan pelbagai kajian dan pandangan tokoh tentang adat Melayu, termasuklah Adat Temenggung dan Adat Perpatih yang terdapat di seluruh Malaysia. Setiap tokoh baik dari barat atau tempatan telah memberi pandangan yang berbeza mengenai konsep adat. Ada diantara mereka yang menyokong dan tidak kurang juga yang membangkang.

Pada masa sekarang, penggunaan adat masih lagi di amalkan dalam kehidupan masyarakat tetapi telah berlaku banyak perubahan. Contohnya, masyarakat menerima perubahan dalam adat perkahwinan sebagai satu keperluan. Adat-adat yang di fikirkan tidak sesui dengan zaman tidak akan diamalkan lagi, dan sesetengah adat pula telah diubahsuai. Pendeknya ‘survival’ adat bergantung pada kehendak dan penilaian masyarakat.

Ada beberapa faktor yang menyumbang ke arah perubahan adat perkahwinan masyarakat Melayu. Antara faktor-faktor itu ialah:

UNIVERSITI MAJLIS AKADEMIK

a. Pendidikan

Generasi sekarang memperolehi pendidikan secara formal yang merangsang fikiran mereka untuk berfikir secara rasional dan kritis. Mereka tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui adat yang diamalkan oleh generasi lama. Mereka mampu menilai adat-adat lama yang difikirkan tidak bersesuaian dengan kehendak zaman sekarang.

b. Agama

Generasi sekarang melihat beberapa adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman tidak sesuai atau bertentangan dengan addin atau cara hidup Islam. Dengan itu, masyarakat sanggup bertindak menghapuskan adat yang boleh menggugurkan akidah atau iman umat Islam. Masyarakat ditegakkan selaras dengan syariat Islam.

c. Pengaruh Barat

Budaya Barat begitu kuat pengaruhnya ke atas budaya Melayu, khususnya adat perkahwinan. Masyarakat sekarang lebih cenderung mengamalkan sifat-sifat individualistic dan meterialistik. Mereka sibuk menumpukan perhatian pada pengurusan diri, kerjaya dan keluarga masing-masing. Di samping itu, pergaulan yang agak bebas antara lelaki dan perempuan berupaya menggugat budaya Melayu, khususnya adat perkahwinan.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN


3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data. Data ini akan digunakan sebagai asas bagi membentuk inferensi dan pentafsiran bertujuan menghurai dan membuat jangkaan tentang sesuatu kajian. Melalui kajian metodologi ini juga dapat membantu pengkaji dalam mengenalpasti kaedah yang hendak dibuat bagi mendapatkan data kajian.

Metodologi juga merupakan suatu prosedur yang sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna.

Bab ini menerangkan tentang rangka teori, rangka kajian, responden dan persampelan, borang kaji selidik, dan juga kaedah yang di gunakan untuk menganalisis pengumpulan data.

3.2 RANGKA TEORI



i. Faktor Kawasan

Adat temenggung dan perpatih dikatakan mempunyai hubungan yang erat di kalangan tiga buah negeri iaitu, Melaka, Sumatera dan Jawa sejak zaman Sriwijaya lagi. Adat temenggung dan perpatih yang telah lama dikatakan bertapak sedikit- sebanyak turut berjaya mempengaruhi adat istiadat Melayu yang khususnya di negeri- negeri Semenanjung Malaysia. Di negeri Melaka, adat perpatih bertapak di daerah Alor Gajah, manakala daerah Melaka Tengah dan Jasin pula mengamalkan adat temenggung. Kedua-dua adat ini jelas diamalkan dalam adat istiadat perkahwinan.

ii. Faktor Masa

Faktor masa merupakan perubahan zaman mengikut arus masa yang telah bergerak dengan pantas seiring dengan pembangunan negara. Adat istiadat merupakan budaya Melayu yang bersifat dinamis, iaitu sentiasa berubah- ubah mengikut peredaran zaman dan masa serta mudah menyerap unsur- unsur asing atau luar. Contohnya, kebanyakan golongan masyarakat kita pada hari ini sudah semakin lupa tentang penggunaan adat dalam perkahwinan, penyerapan budaya luar seperti budaya barat sudah banyak mempengaruhi cara hidup dan juga pemikiran masyarakat kita kini.

iii. Faktor Kesesuaian

Perubahan adat istiadat ini berdasarkan kepada penerimaan unsur Islam yang telah menyerap dalam kehidupan masyarakat. Adat dalam kerangka asalnya bukan suatu yang jumud, semu, abstrak, tetapi konkret dan cukup substansif untuk memenuhi tuntutan kehidupan manusia, hidup dikandung adat, mati dikandung tanah. Adat berubah akibat perubahan cara kehidupan manusia kerana kehidupan manusia semakin tersusun, dan kompleks.

Hukum adat ini meliputi segala aspek kehidupan, aturan hidup, adat istiadat dan hidup bermasyarakat. Adat Temenggung diresapi dengan pengaruh Islam dan hukum syarak Mazhab Syafie.

iv. Faktor Makna

Adat Temenggung telah diasaskan oleh Tok Temenggung. Adat ini telah memberi keistimewaan yang lebih kepada kaum lelaki memandangkan khidmat dan sumbangan mereka yang besar terhadap negara. Mereka juga memainkan peranan penting bagi menjamin kedaulatan Kesultanan Melaka. Oleh yang demikian, dalam adat Temenggung, pembahagian hak waris atau pesaka diberi keutamaan kepada kaum lelaki.

Adat perpatih pula telah diasaskan oleh Tok Perpatih, Adat ini adalah berbeza kerana beliau mentadbir dengan caranya yang tersendiri dalam menyusun peraturan, hukum adat dan sebagainya. Tok Perpatih telah memberikan hak keistimewaan kepada kaum perempuan memandangkan kaum ini yang telah melahirkan pemimpin negeri, pahlawan, dan alim ulamak.

Oleh yang demikian, Tok Perpatih memberikan pengiktirafan kepada kaum perempuan berdasarkan perut, dan pembahagian hak waris atau pesaka dipentingkan kaum perempuan.

Berikut merupakan rangka kajian bagi mengenalpasti skop yang ingin di kaji.

| | |
|-------------------|-------------------------|
| Kawasan | Tidak Bergantung |
| Masa | Bergantung |
| Kesesuaian | Bergantung |
| Makna | Bergantung |

Faktor kebergantungan inilah yang mempengaruhi penggunaan adat dalam konteks adat istiadat perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu pada masa kini. Ini kerana, masyarakat sekarang tidak suka terikat dengan sesuatu dan ingin bebas tanpa ada sebarang syarat serta peraturan yang khusus.

3.3 LOKASI KAJIAN

Lokasi di sekitar Kota Bharu (Kelantan), negeri Melaka dan juga di negeri Sembilan serta bertempat di Muzium Adat (kajian lapangan).

3.4 KAE DAH KAJIAN

Kaedah kajian dapat memudahkan pengkaji dalam membuat kajian ini. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilakukan oleh pengkaji bagi mengetahui tentang perbandingan adat temenggung dan perpatih dalam adat istiadat perkahwinan. Kaedah ini dapat membantu penkaji dalam mendapatkan maklumat mengenai kajianya.

i. Temubual

Data-data melalui kaedah temubual akan menyumbang maklumat kepada proses pengumpulan maklumat. Pengkaji akan menemui responden yang dapat memberikan maklumat kepada pengkajian dalam mengetahui tentang perbandingan adat temenggung dan perpatih dalam adat istiadat perkahwinan. Antara responden yang telah dikenalpasti dalam menjalankan kaedah temubual ini adalah golongan tua yang mengetahui lebih mendalam tentang adat istiadat yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat. Kaedah ini sedikit sebanyak membantu pengkaji mengumpul maklumat dan mengetahui sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap amalan adat istiadat berkenaan pada masa kini.


ii. Kajian Perpustakaan

Pengkaji juga cuba mendapatkan maklumat tentang kajian yang ingin dibuat melalui kajian perpustakaan. Kajian ini akan membantu mengumpul maklumat daripada hasil pembacaan. Melalui kajian perpustakaan ini pengkaji juga akan dapat mengetahui tentang perbandingan dan keistimewaan yang ada dalam kedua- dua adat tersebut. Semua hasil pembacaan akan dicatatkan untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti maklumat yang penting dan berguna sebagai bahan rujukan dan maklumat tambahan.

iii. Pemerhatian

Kaedah ini juga penting melalui penghayatan dan pemerhatian pengkaji itu sendiri yang turut menghadiri ke majlis perkahwinan bagi menghayati sendiri adat istiadat perkahwinan yang telah diamalkan dalam kehidupan masyarakat sehariannya. Segala pengalaman yang diperolehi akan digunakan dalam membantu kajian yang dijalankan ini.

3.5 PROSEDUR KAJIAN



- | | |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. MERISIK 2. UPACARA TANDA JADI 3. UPACARA PERTUNANGAN 4. HANTARAN BELANJA 5. MEMULIH RUMAH/ TEPUNG TAWAR 6. MAJLIS BERPAKAT/ DIRIKAN PENANGGAH 7. BERINAI CURI 8. BERINAI KECIL 9. UPACARA AKAD NIKAH 10. UPACARA MEMBATAL AIR SEMBAHYANG 11. SAMBUTAN RAJA SEHARI 12. JEMPUT MENANTU | <ol style="list-style-type: none"> 1. MERISIK 2. MENGHANTAR TANDA (MEMINANG) 3. MAJLIS BERKAMPUNG 4. MAJLIS KAMPUNG-2 HARI 5. MALAM PERTAMA – MALAM BERKONAK (NIKAH) 6. MALAM KEDUA – MALAM LANGSUNG 7. BERANDAM 8. MAJLIS MENIKAM JEJAK @ MENYALANG 9. MAJLIS BERBESAN |
|--|--|

3.8 KESIMPULAN

Pada zaman sains dan teknologi ini, pengamalan adat begitu longgar dan mula terhakis oleh gelombang pembangunan, permodenan, mobiliti masyarakat dan semangat keislaman. Justeru itu, dalam adat istiadat perkahwinan samada menerusi adat Temenggung atau Adat Perpatih amalan adat ini sudah jauh berbeza jika hendak di bandingkan dengan amalan masyarakat Melayu pada masa dahulu dan kini.

Apabila di kaji secara mendalam akan adat ini khususnya yang bersangkut-paut dengan adat istiadat perkahwinan, kita dapat seluruh sistemnya amat menarik sekali dan kita akan rugi jika mengabaikankekayaan yang ada dalam adat sendiri dan mengagungkan adat barat. Sebagai contoh warisan teromba tidak lagi dijaga dan dipupuk dengan baik, malah dibiarkan luput dan reput di makan zaman. Oleh itu, sebagai saranan usaha harus dijalankan secara bersepada untuk mempertahankannya. Teromba itu sendiri dari segi falsafah dan ideologi, bukanlah sesuatu yang statik dan tidak mahu berubah. Teromba itu mahukan perubahan dan penyesuaian dengan zaman yang dilalui oleh pengamalnya. Teromba ini elok diteruskan dari segi amalannya, tambahan pula untuk melahirkan masyarakat yang harmonis. Cuma yang perlu diubahsuaikan ialah mengikut peredaran zaman, tanpa menghilangkan nilai dan estetiknya. Ini semua telah lama terungkap di dalam teromba, Cuma tidak mahu dikaji dan difahami, contohnya:

Adat dipakai baru

kain dipakai usang

adat menimbulkan yang baik

menghilangkan yang buruk

menyuruh berbuat baik

menegah berbuat jahat

usang-usang diperbaharui

lapuk-lapuk dikajangi

yang elok dipakai

yang buruk dibuang

kalau singkat minta disambung

kalau panjang minta dikerat

kalau koyak minta ditampal.

(Norhalim Ibrahim, 1993: 154)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAPATAN DATA

4.1 PENGENALAN

Analisis dapatan data merupakan bahagian yang terpenting dalam sesuatu kajian. Ini kerana segala persoalan akan terjawab dengan sendirinya melalui hasil dapatan data yang dikemukakan oleh pengkaji. Analisis dapatan data yang terbaik adalah yang mempunyai hubungkait diantara objektif serta menjawab segala persoalan dalam kajian tersebut.

Pengkaji menggunakan kaedah data secara kualitatif di dalam kajian terhadap “Temenggung dan Perpatih satu perbandingan Adat Istiadat Perkahwinan”. Oleh itu, kaedah yang telah di gunakan oleh pengkaji adalah seperti membuat temubual dengan orang yang lebih berpengalaman tentang kedudukan adat tersebut. Selain itu, kajian daripada perpustakaan iaitu melalui pembacaan buku-buku, jurnal, contoh tesis yang mempunyai kaitan dengan kajian yang di buat dan pelbagai lagi sumber tambahan yang dapat diguna pakai dalam kajian. Di samping itu juga, pengkaji turut membuat pemerhatian melalui penyertaan pengkaji dengan cara menghadirkan diri ke majlis perkahwinan agar dapat merasai serta menghayati sendiri adat istiadat perkahwinan yang telah diamalkan dalam kehidupan masyarakat.

4.2 ADAT TEMENGGUNG DAN PERPATIH

Adat Temenggung dan Perpatih dapat dikategorikan sebagai hukum adat di negeri-negeri Melayu. Adat ini berasal dari Utara Sumatera dan dikembangkan oleh dua beradik iaitu Datuk Ketemenggungan yang kemudiannya berkuasa di Palembang (Adat Temenggung) dan Datuk Perpatih Pinang Nan Sebatang yang kemudiannya berkuasa di Pagar Ruyung (Adat Perpatih). Adat Temenggung diamalkan di semua negeri kecuali Negeri Sembilan dan Naning di Melaka

mengamalkan Adat Perpatih. Pada umumnya, orang Melayu menganuti salah satu daripada dua macam adat, samada yang diundang Datuk Temenggung (adat Temenggung) atau yang diundang Datuk Perpatih (adat Perpatih). Adat Temenggung dan Perpatih yang telah lama dikatakan bertapak sedikit- sebanyak turut berjaya mempengaruhi adat istiadat Melayu yang khususnya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Kedua-dua adat ini jelas diamalkan dalam adat istiadat perkahwinan. Dalam adat istiadat Melayu, sebelum mengadakan perkahwinan, biasanya keempat-empat macam adat Melayu itu terterap sama walaupun yang wajib dilakukan (adat nan kawi) hanyalah satu. Bagaimanapun, yang biasa dilakukan orang banyak ialah adat yang teradat dan adat yang diadatkan.

Hukum adat ini meliputi segala aspek kehidupan, aturan hidup adat istiadat dan hidup bermasyarakat. Dalam kehidupan beradat, ada empat macam adat Melayu, iaitu adat nan kawi, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat.

Adat nan kawi itu ialah adat yang sebenar adat, iaitu adat yang bersendi syarak, adat yang selari dengan hukum agama (Islam). Adat yang teradat merupakan amalan tradisi yang dihayati oleh nenek moyang. Adat yang diadatkan pula ialah adat yang disusun dengan muafakat untuk kesejahteraan masyarakat dan menjadi cara hidup sehari-hari. Adat ini boleh berubah-ubah sesuai dengan keadaan zaman dan keperluan masyarakat. Adat istiadat pula ialah adat yang berupacara, iaitu adat yang dilakukan dengan upacara yang tersusun

kedudukannya dan teratur dahulu kemudiannya, contohnya yang dilakuakan bagi adat semenda (perkahwinan) dan lain-lain upacara peralihan.

4.3 PERBANDINGAN ADAT TEMENGGUNG DAN PERPATIH

4.3.1 Adat Temenggung

Adat temenggung adalah bersifat ‘patrilineal’ iaitu memberi keistimewaan yang lebih kepada kaum lelaki. Ini kerana, dalam keluarga kaum lelaki mempunyai kedudukan iaitu;

- i. anak lelaki mempunyai hak dalam mewarisi harta
- ii. susur keturunan diperkira dari sebelah lelaki
- iii. lelaki juga berperanan sebagai ketua keluarga

4.3.2 Peringkat dan Tertib Adat Istiadat Perkahwinan (Temenggung)

a) Merisik

- Merisik merupakan langkah pertama dalam adat perkahwinan jenis ini.
- Tujuannya ialah untuk mengetahui sedikit sebanyak tentang latar belakang gadis tersebut sama ada telah berpunya atau tidak.
- Selepas didapati belum berpunya, barulah peringkat kedua iaitu peminangan.

b) Peminangan

- Kebiasaannya, pihak lelaki akan menghantar wakil rombongan yang terdiri daripada ketua syarak, bilal, orang tua dan saudara yang terdekat ke rumah pihak perempuan.
- Penggunaan pantun turut di gunakan sebagai medium penyampaian hasrat hati, antara contoh pantun tersebut ialah;

Bunga ros bunga melati,

Harum semerbak di dalam taman;

Besar sungguh hajat di hati,

Untuk menyunting bunga di taman.

- Kedua belah pihak akan berunding bagi mencapai kata sepakat.
- Sekiranya peminangan itu diterima, sebentuk cincin ditinggalkan (upacara tanda jadi), sebentuk sebagai tanda mengikut cara adat dan sebentuk lagi mengikut cara syarak. ‘Cincin belah rotan’ yang dijadikan cincin tanda pertunangan itu melambangkan pengikatan yang teguh lagi sempurna. Peribahasa Melayu yang mengatakan: tiada rotan akar berguna, memberitahu kita bahawa jika tiada rotan, akar pun jadi, tetapi jika ada rotan: itulah yang sebaik-baiknya. Mengambil sempena keadaan itu, diadatkan oranglah: cincin belah rotan sebagai cincin tanda yang simbolik dan turut juga di sertakan dengan tepak sireh dan beberapa barang lain.

c) Hantaran Belanja

- Pada tarikh yang dijanjikan upacara menghantar belanja dijalankan.
- Wang hantaran biasanya di gubah dalam berbagai bentuk dan turut diiringi dengan bunga rampai, sirih junjung atau tepak sireh sahaja, pahar telor merah dan nasi semangat, alat solek, buah-buah atau lain-lain mengikut adat daerah masing-masing untuk diberikan kepada si gadis.

d) Memulih Rumah/ Tepung Tawar

- Tradisi ini bertujuan untuk menjauhkan gangguan syaitan dan dengki khianat. Ianya dijalankan di rumah perempuan sebelum upacara menghias rumah diadakan.
- Seorang tua berilmu akan menepung tawar beras dan direnjis di sekeliling rumah. Contoh antara bahan yang diperlukan ialah, beras putih, beras kuning, bertih, tepung tawar dan daun sepulih.

e) Majlis berpakaat/ Dirikan Penanggah

- Merupakan majlis perjumpaan bagi memastikan perjalanan majlis yang ingin di adakan dapat berjalan dengan lancar.
- Kerjasama dan gotong-royong di buat oleh saudara mara serta golongan masyarakat setempat melalui agihan kerja yang khusus mengikut kemahiran yang ada dalam diri masing-masing. Contohnya, dirikan penanggah, memasak, menyajikan makanan, melayan tetamu dan pelbagai lagi.

f) Berinai Curi

- Upacara awal yang di lalui oleh pengantin, khususnya pengantin perempuan.
- Upacara ini diadakan sekurang-kurangnya satu malam. Pada malam itu, jari-jari tangan dan kaki serta tapak tangan dan juga sekeliling tapak kaki pengantin diinai.
- Tujuan pemakaian inai adalah untuk menaikan seri pengantin serta menandakan bakal pengantin perempuan sudah bersedia memasuki gerbang perkahwinan.

g) Berinai Kecil

- Upacara ini juga dikenali sebagai “berinai cun” dimana ia akan menandakan bermulanya persiapan pengantin.
- Seorang perempuan dewasa akan meletakkan inai ke jari dan telapak tangannya pengantin.
- Selalunya adik-beradik dan saudaranya akan turut berinai sekali bersama si pengantin.

h) Berandam

- Berandam atau mengandam ialah kerja- kerja menghiaskan pengantin agar pengantin kelihatan berseri atau bersemangat untuk menghadapi hari perkahwinan.

- Tugas ini dipertanggungjawabkan kepada tukang andam (Mak Andam) kerana dia mempunyai kebolehan atau kemahiran yang dipusakai turun- temurun.
- Mak Andam akan menjampi sekapur sireh yang dikenali sebagai ‘sireh pemanis’ (penyeri muka) untuk dimakan oleh pengantin perempuan bagi menaikkan seri di wajah pengantin tersebut dan menghilangkan warna pucat di muka.
- Antara jampi yang dibaca oleh Mak Andam adalah seperti berikut:

Sireh kuning ganggangnya kuning

Jadi santapan dewi puspa

Tiada berkelif mata yang memandang

Tiada yang berkelif hati yang mengenaang

Seperti memandang puteri Nabi

Makan sireh serta berkapur

Sepah jatuh ke rongkongan

Seri naik ke muka

Berkat kata, La illaha ill...Allah

- Dalam kerja mengandam, Mak andam menggunakan alat- alat berikut, contohnya bertih, beras basuh padi, tepung tawar, kain putih, gunting atau pisau cukur, tempat bara dan kain hitam.

i) Upacara akad Nikah

- Merupakan upacara kemuncak bagi minggu perkahwinan. Pada hari yang ditetapkan, pengantin lelaki akan datang bersama rombongannya.
- Sebelum upacara itu dimulakan, Tok Imam akan berjumpa dengan pengantin perempuan untuk meminta persetujuan.
- Upacara akad nikah dijalankan sebelum upacara berinai besar dan bersanding.
- Imam mewakili wali perempuan menjadi jurunikah. Dalam upacara ini juga disahkan hantaran dan lain-lain. Mas kahwin disebut samada hutang atau tunai. Mas kahwin akan diserahkan kepada pangantin perempuan dan menjadi haknya. Dari saat ini sahlah mereka menjadi suami isteri.

j) Upacara Membatal Air Sembahyang

- Selesai akad nikah, pengantin lelaki akan menyarungkan sebentuk cincin ke jari manis pengantin perempuan sebagai tanda “batal air sembahyang”.
- Selepas kedua pengantin bersalaman, acara berinai besar akan diadakan dimana kedua mempelai akan disandingkan.

k) Sambutan Raja Sehari

- Pada waktu yang ditetapkan, pengantin lelaki akan ke rumah pengantin perempuan bersama dengan rombongannya.

- Pengantin perempuan akan bergerak menuju ke arah pengantin lelaki dengan irungan paluan kompong dan mereka akan didudukkan di satu balai khas.
- Selepas itu, adanya acara di mana pengantin akan berganti pakaian pada hari langsung. Pelbagai jenis pakaian tradisional akan digayakan oleh pengantin. Ini bukanlah adat tetapi lebih merupakan amalan.
- Pada hari lansung, kedua mempelai akan disandingkan atas pelamin dan akan ditepung tawar oleh keluarga kedua belah pihak.
- Tetamu juga akan turut di jamu makan (majlis makan). Kekenyangan tetamu akan dianggap dapat menyempurnakan kehidupan kedua pengantin.

I) Jemput Menantu

- Majlis jemput menantu atau ‘menyambut menantu’ diadakan di rumah pengantin lelaki.
- Pengantin perempuan dijemput datang ke rumah pengantin lelaki, biasanya dibuat pada hari ketiga, kelima atau seminggu selepas diadakan majlis persandingan.

4.3.3 Adat Perpatih

Adat Perpatih merupakan sistem adat yang bercorak ‘matrilineal’ iaitu sistem suku yang mengambil garis keturunan daripada sebelah ibu. Oleh yang demikian, wanita mempunyai kedudukan dan status yang telah ditentukan dan berfungsi untuk memberikan perlindungan yang mencukupi.

Mengikut tradisi adat perpatih, perkahwinan terbahagi kepada norma perspektif dan preferential di mana norma perspektif ialah eksogami yang melarang seorang lelaki menikahi seorang perempuan dari sukunya sendiri atau sesuku. Sementara norma preferential pula ialah melakukan perkahwinan silang pupu iaitu anak gadis abang atau adik lelaki ibu sendiri dengan anak gadis kakak atau adik perempuan ayah. Perkahwinan silang pupu sering kali dilakukan terutama apabila tiadanya anak perempuan untuk meneruskan atau mengembangkan suku. Ini juga berkait rapat dengan harta pusaka adat yang hanya boleh diwarisi oleh perempuan dari suku tersebut.

Dalam adat perpatih juga perkahwinan mewujudkan orang semenda iaitu lelaki yang berkahwin dengan wanita Negeri Sembilan dan tempat semenda yang merupakan rumah tempat tinggal wanita tersebut bersama keluarganya. Selain itu terdapat perbilangan yang melarang orang semenda mengahwini mana-mana wanita di Negeri Sembilan yang sesuku dengan isterinya. Larangan tersebut jelas menunjukkan bagaimana adat perpatih memberi kedudukan yang istimewa kepada wanita Negeri Sembilan. Ini secara tidak langsung tidak menggalakkan poligami di kalangan lelaki yang berkahwin di Negeri Sembilan.

Sementara itu wanita dari segi perwarisan pusaka di bawah adat perpatih pula terbahagi kepada harta pusaka, harta dapatan, harta pembawa dan harta dari laki-bini (harta carian). Menurut adat perpatih tanah pusaka hanya boleh diwarisi oleh wanita dalam sesuatu suku.

Hal inilah yang menyebabkan masyarakat luar sering kali salah faham tentang adat perpatih ini kerana mereka menganggap semua harta dimiliki oleh wanita dan lelaki tidak mempunyai sebarang hak terhadap harta jika ia berkahwin dengan wanita dengan Negeri Sembilan yang mengamalkan adat perpatih. Sebenarnya hanya tanah adat sahaja yang terlibat sedangkan harta dari jenis yang lain boleh dimiliki oleh lelaki dan perempuan. Harta dapatan pula adalah harta yang dimiliki oleh seorang wanita sewaktu dia berkahwin termasuk harta carian bujang, carian janda, harta sepencarian dan harta pusaka. Manakala harta pembawa merupakan harta seorang lelaki yang dimiliki semasa dia masih bujang termasuk harta yang diperoleh daripada ibu bapanya atau yang dia beli sendiri. Apabila dia meninggal dunia selepas dia berkahwin, harta ini kembali kepada saudara perempuan atau warisnya. Harta ini boleh dituntut oleh isteri dan anaknya jika ia mewariskan harta itu kepada mereka. Harta carian suami isteri pula adalah harta yang diperoleh oleh suami isteri semasa mereka berkahwin dan jika berlaku perceraian, harta ini dibahagi sama rata.

4.3.4 Adat Istiadat Perkahwinan (Perpatih)

Masyarakat Melayu amat berpegang teguh dengan adat resam dan juga adat istiadat kerana di percaya mempunyai kesan dalam kehidupan. Oleh itu, golongan masyarakat terdahulu menitikberatkan adat resam dan adat istiadat dalam perkahwinan.

Dalam adat istiadat perkahwinan, terbahagi kepada tiga peringkat yang terdiri daripada lapan langkah upacara iaitu;

1. Pada peringkat pertama:
 - i. adat merisik/ menengok
 - ii. adat meminang/ bertunang
 - iii. menghantar belanja dan akad nikah
2. Pada peringkat kedua;
 - i. berandam
 - ii. berinai
3. pada peringkat ketiga;
 - i. bersanding
 - ii. mandi limau
 - iii. menyambut menantu/ menjemput menantu

4.3.5 Peringkat dan Tertib Adat Istiadat Perkahwinan (Perpatih)

a. Mencari Jodoh

- Terdapat dua cara digunakan bagi amalan dalam menentukan jodoh atau mencari jodoh iaitu berdasarkan kesanggupan kedua belah pihak lelaki dan perempuan.
- Kaedah pertama adalah pemilihan pihak lelaki itu sendiri dimana si teruna mencari sendiri si gadis pilihan hatinya dan kemudia menyatakan hasrat kepada ibu bapanya.
- Kaedah kedua pula, pemilihan dibuat oleh ibu bapa si teruna setelah berkenan akan seseorang gadis yang dipilih untuk menjadi bakal menantunya dan diberitahu kepada anak terunanya.

b. Penentuan Jodoh

- Terdapat beberapa syarat dalam memilih gadis bakal menantu. Misalnya gadis itu mestilah mempunyai sifat yang baik dari segi agama, rupa paras yang cantik, berakhhlak, banyak keturunan serta mempunyai kebijaksanaan dan kepandaian khususnya dalam mengurus rumah tangga.
- Bagi bakal menantu lelaki pula, hendaklah mempunyai pelajaran agama yang tinggi, sifat yang sempurna, mempunyai kedudukan

(harta benda) yang baik dan mempunyai pengetahuan yang baik mengenai ilmu rumahtangga.

c. Merisik

- Merisik ialah cara untuk mengetahui sama ada si gadis sudah berpunya atau belum. Rombongan merisik biasanya dibuat oleh saudara atau keluarga terdekat.
- Ada rombongan yang datang tanpa diberitahu dan ada juga yang datang setelah dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak perempuan. Pada fahaman dan kepercayaan orang tua-tua, apabila kedatangan merisik itu dilakukan dengan tiba-tiba sahaja dan secara kebetulan pada waktu itu didapati anak dara tersebut sedang mandi atau mencuci pakaian, maka ia membawa suatu petanda yang baik, iaitu menunjukkan jodoh pertemuan yang sejuk. Ini kononnya membawa maksud bahawa jika kedua-duanya jadi diikat sebagai suami isteri, kehidupan mereka menjadi senang-lenang dan keadaan rumahtangga mereka sentiasa aman muafakat.
- Sekiranya sewaktu rombongan datang, anak dara tersebut sedang memasak, maka ia membawa alamat kurang baik kerana dengan yang demikian, kononnya, membawa petanda panas, iaitu tidak begitu baik. Begitu juga dipercayai oleh orang tua-tua Melayu dahulu bahawa jika sewaktu di dalam perjalanan rombongan hendak pergi merisik anak

dara berlaku sesuatu bencana seperti terdapat kayu di tengah-tengah jalan, iaitu sesuatu yang dianggap menggendaikan, maka ia juga dikatakan membawa petanda yang kurang baik terhadap jodoh tersebut.

- Seandainya pihak atau keluarga gadis bersetuju, maka perundingan akan dibuat untuk menentukan hari pertunangan. Segala perundingan di buat melalui jual beli pantun antara kedua belah pihak. Penggunaan pantun tersebut turut menggambarkan tentang isi hati dan juga hasrat yang di bawa serta turut mempunyai makna yang mendalam. Contoh pantun adalah seperti berikut;

Berkokok ayam dari hulu,

Ditangkap budak sedang berlari,

Angin memukul gelombang memalu,

Sebab berhajat kita ke mari.

Jika tidak kerana bulan,

Bilakan air pasang pagi?

Jika tidak kerana tuan,

Masakan kami datang ke mari?

Bukan kacang sebarang kacang,

Kacang melilit kayu jati,

Bukan datang sebarang datang,

Datang mengikat jantung hati.

Pagi-pagi pergi ke ladang,

Hendak menyemai benih padi,

Berapa tinggi Gunung Ledang,

Tinggi lagi hajat di hati.

Asap api di Tanjung Tuan,

Kuala Linggi bakaunya rendah,

Harap hati kepada tuan,

Langit tinggi kupandang rendah.

d. Adat Menghantar Tanda/ Meminang

- Pihak lelaki akan menyediakan sebentuk cincin yang dinamakan “cincin tanya”. Cincin ini akan digunakan dalam upacara membatalkan air sembahyang nanti. Jenis cincin yang digunakan ialah cincin belah rotan ataupun cincin beronta.
- Cincin ini akan diikat dengan benang. Warna-warna benang ini adalah mengikut warna bendera suku. Simbol dan perlambangan akan digunakan pada ketika ini. Jika benang yang dipintal adalah pendek, bermakna pihak lelaki ingin agar upacara persandingan segera dilakukan dan begitu sebaliknya.

- Urusan menghantar cincin ini diserahkan kepada ‘orang semenda’. Bagi pihak lelaki dan diterima oleh ‘buapak’ pihak perempuan. Jika pihak perempuan menerima, cincin ini tidak akan dikembalikan. Jika tidak ia hendaklah dikembalikan secara baik.

e. Hantaran Belanja

- Upacara hantar belanja dijalankan pada tarikh yang telah dipersetujui dan sekali lagi rombongan pihak lelaki datang ke rumah pihak perempuan. Kedua pihak itu selalunya diwakili oleh ketua kampung. Mereka akan saling bertukar hantaran serta iringan setelah kedua pihak menghuraikan janji dan menyelesaikan masalah yang bersangkutan.
- Wang hantaran itu biasanya diiringi dengan persalinan untuk si gadis dan mengikut apa yang telah dijanjikan. Perjanjian biasanya dalam bentuk 'serba satu atau serba dua'. Serba satu bererti persalinan iringan itu setiap jenis dan digubah dalam pelbagai bentuk seperti bentuk itik, burung dan keris. Wang hantaran pula digubah biasanya dalam bentuk buah-buahan ataupun pokok bunga.

f. Menyerambi bertunang

- Jika dijalankan upacara menghantar belanja pada siang hari, maka malamnya pula diadakan majlis 'menyerambi bertunang'. Adat ini dilakukan di serambi rumah. Wakil dari kedua belah pihak bergilir-gilir membaca doa dan marhaban.

g. Majlis Berkampung/ Menjemput Tetamu

- Majlis ini merupakan majlis gotong-royong bagi membahagikan kerja. Apa yang berbeza ialah terdapat tiga kumpulan iaitu “Waris menungket”, “Buapak” dan “Sekoden”. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai tugas dan peranan yang berbeza.
- Pihak ibu bapa pengantin lelaki akan menjemput orang-orang tua kampung untuk memberitahu majlis perkahwinan yang akan diadakan. Mereka akan membuat tepak sirih dan meminta sanak saudara serta sahabat handai datang ke rumahnya untuk bersama-sama membantu serta meraikan majlis itu.
- Selain itu, jiran atau saudara-mara akan meringankan tuan rumah dengan menyumbangkan beras, pulut, telur, ayam dan lain-lain barang untuk kegunaan di hari langsung nanti.
- Adat ini dinamakan “menanam”. Pada hari langsung pula para jemputan biasanya membawa segantang beras, seekor ayam dan dua biji kelapa sebagai hadiah kepada tuan rumah.
- Majlis ini diadakan di rumah bakal pengantin dan segala tanggungjawab majlis akan ditentukan oleh mereka yang ada dalam majlis tersebut. Biasanya majlis kenduri kahwin dimulakan di rumah pengantin perempuan.
- Hal ini amat menarik perhatian kerana sikap hidup bermasyarakat sangat menonjol dan menebal serta ikatan persaudaraan antara penduduk-penduduk kampung dapat di lihat dalam apa juu keadaan.

h. Berinai curi

- Majlis berinai curi diadakan pada waktu malam di rumah pengantin perempuan. Majlis ini bergantung kepada kesanggupan dan kemahuan pihak pengantin. Mulai malam tersebut, jari-jari dan tapak tangan serta keliling tapak kaki pengantin perempuan diinai. Selepas itu pengantin akan naik ke pelamin.
- sanak saudara dan sahabat handai juga akan bergilir-gilir menginaikannya. Masa ini jugalah pihak pengantin lelaki atau keluarganya berpeluang melihat dari dekat wajah pengantin perempuan. Berinai curi biasanya diadakan sekurang-kurangnya satu malam tapi biasanya ia diadakan tiga malam.

i. Berinai Kecil

- Malam berikutnya majlis berinai kecil diadakan. Ianya disertai oleh pengantin lelaki. Tetapi pengantin lelaki berinai di serambi rumah sahaja.
- Manakala, pengantin perempuan di ruang tengah rumah di atas pelamin. Majlis ini kadangkala dipanggil 'menyerambi kahwin'.

j. Berandam

- Keesokan harinya diadakan istiadat berandam di mana upacara memotong rambut di bahagian depan kepala dijalankan oleh tukang andam. Pengantin perempuan biasanya dicukur anak rambut di dahi

serta di pelipisnya. Pengantin perempuan akan merasa perubahan wajahnya ditambah pula warna merah di jarinya selepas berandam.

- Upacara berandam dijalankan untuk persediaan pengantin lelaki pergi ke rumah pengantin perempuan untuk upacara berinai besar pada malamnya. Pada petang itu juga diadakan upacara mandi berhias. Biasanya upacara ini memerlukan sebijji kelapa muda ditebus berbentuk pucuk rebung, beras basuh, sirih berkapur, gunting, kain putih, tepung tawar dan ikatan dua sepilih dan daun ribu-ribu.

k. Mandi Berhias

- Dijalankan ke atas kedua pasangan pengantin dan biasanya dibuat di serambi atau pelantar tengah berhadapan dengan pintu luar rumah didahului oleh pengantin lelaki dan diikuti oleh pengantin perempuan.
- Pengantin akan duduk menghala ke pintu luar dan di depannya disediakan dulang beras basuh serta tepung tawar. Sanak saudara dan waris akan menabur beras basuh dan menepung tawar pengantin itu.

l. Pernikahan/ Majlis Kahwin

- Majlis kahwin diadakan mengikut kemampuan tuan rumah. Bagi yang berkemampuan, majlis diadakan selama dua hari, dua malam.
- Malam pertama atau dikenali juga sebagai ‘malam berkonak’ yang bermaksud malam nikah. Manakala, malam kedua pula dikenali sebagai malam langsung.

- Upacara akad nikah dijalankan pada malam selepas mandi berhias dan sebelum majlis berinai. Pakaian pengantin lelaki serba putih kecuali songkok dan kasut.
- Imam mewakili pengantin perempuan menjadi jurunikah. Selain dari itu juga disahkan hantaran dan lain-lain yang bersangkutan. Mas kahwin biasanya berbentuk wang tunai. Mas kahwin diwajibkan dan diserahkan kepada pengantin perempuan.

m. Berinai Besar

- Setelah selesai upacara akad nikah, majlis berinai besar dilakukan di atas pelamin dengan dimulai oleh pengantin lelaki. Ahli-ahli keluarga akan bergilir-gilir menjalankan upacara itu. Pengantin perempuan pula akan mengambil tempat selepas pengantin lelaki dan berjalan sehingga selesai.

n. Hari Langsung

- Hari persandingan juga disebut hari langsung yang diadakan pada hari esoknya. Jamuan di rumah pengantin perempuan akan diadakan secara besar-besaran.
- Pengantin lelaki akan menuju ke rumah pengantin perempuan dengan diiringi dengan pukulan rebana dan sanak saudaranya untuk upacara persandingan.

o. Sirih Lat-lat

- Sirih lat-lat ialah gubahan pokok bunga daripada daun sirih yang dipegang oleh pengantin lelaki untuk diletakkan atas pangkuan pengantin perempuan apabila sampai di pelamin untuk bersanding.

p. Suap- suap

- Sebuah pahar telur merah dan nasi adab-adab disediakan di depan pelamin dan ianya berwarna kuning dan diperbuat daripada pulut. Ahli waris akan mengambil sekepal nasi adab-adab lalu diletakkan di tapak tangan pengantin lelaki dan disuapkan kepada pengantin perempuan dan sebaliknya.

q. Masuk ke Bilik pengantin

- Jari kelingking pengantin lelaki yang sebelah kanan mencangkul jari kelingking pengantin perempuan dan pengantin lelaki akan melangkah masuk ke bilik pengantin sambil memimpin pengantin perempuan.

r. Makan damai

- Makanan disediakan di bilik pengantin di mana peneman-peneman pengantin lelaki turut bersama dan mereka akan dilayan oleh pengantin perempuan. Mak Andam merupakan orang utama di dalam majlis itu.

s. Makan waris

- Pada malamnya pula, sekali lagi diadakan majlis makan yang dihadiri oleh waris dari kedua belah pihak. Di dalam majlis ini, besan dengan besan akan duduk bersama dan kedua pengantin akan berkenalan dengan waris dan sanak saudara dari kedua belah pihak.

t. Majlis Jemput Menantu

- Majlis ini diadakan untuk pengantin perempuan yang dijemput ke rumah pengantin lelaki berserta pengiring-pengiringnya. Rombongan pengantin perempuan tidak akan ke rumah bapa mertuanya selagi pengantin lelaki dan pengiring-pengiringnya tidak datang menjemput .
- Kedatangan pengantin lelaki digelar sebagai 'balik minum air'. Pengantin perempuan akan tidur semalam di rumah pihak lelaki.

u. Malam satu

- Setelah pengantin perempuan pulang ke rumahnya, pengantin lelaki akan tidur di rumah isterinya pula. Pengantin lelaki akan menyembahkan tepak sirih ketika menjelang subuh kepada bapa mertuanya.
- Perlakuan yang ditunjukkan oleh pengantin lelaki akan dapat diketahui sama ada pengantin perempuan itu masih dara atau tidak semasa dikahwini.

v. Membalas Tidur

- Bagi adat membalas tidur, pengantin perempuan buat kali keduanya akan tidur di rumah suaminya. Pengantin masih lagi memakai pakaian pengantin tetapi hanya sekadar pakaian 'kondeh' sahaja.

4.3.6 Adat Perpatih yang lain termasuklah;

i. Adat Menjunjung Pengantin

- Upacara ini adalah sangat menarik dan unik. Pengantin akan dijunjung dan diarak sehingga ke atas rumah. Tandu akan dihias dan diikat pada buluh.
- Sebelum pengantin naik ke atas rumah, kedua mempelai akan membasuh kaki. Upacara ini dilakukan oleh saudara-mara.
- Tujuan dilakukan sedemikian adalah untuk menunjukkan orang Melayu kaya dengan kesopanan dan mengutamakan kebersihan sebelum memasuki sesebuah rumah.

ii. Adat merenjis

- Upacara ini dimulakan oleh buapak, dan diikuti dengan bapak-bapak lembaga yang lain. Setelah selesai tetamu-tetamu kehormat merenjis, barulah diikuti dengan ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai yang lain.

iii. Adat Menyuap

- Satu lagi upacara yang menarik adalah adat suap-menyuap.
- Dalam upacara ini, pengantin akan cuba menuap pulut kuning ke dalam mulut pasangannya, sementara pasangannya perlulah mengelak. Upacara ini dibantu oleh ahli keluarga.

iv. Hidangan Bapak Lembaga

- Buapak dan bapak Lembaga akan dijamu ditempat yang disediakan oleh tuan rumah. Mengikut lazimnya, makanan yang dihidangkan kepada mereka perlulah diasingkan dan ditutup dengan tudung saji beralaskan kain.
- Ini sebagai tanda berterima kasih kepada Buapak dan Bapak Lembaga kerana sudi menghadiri majlis persandingan anak mereka.

v. Adat Menyembah

- Bagi melengkapkan adat, upacara yang terakhir adalah upacara menyembah. Dalam upacara ini, pengantin akan bersalam dengan ahli keluarga.
- Pengantin akan diperkenalkan kepada ahli keluarga dan sanak saudara yang baru, supaya tidak merasa kekok setelah menjadi suami isteri.
- Upacara ini dimulakan dengan pengantin bersalaman dengan Buapak, diikuti dengan waris saka yang lain.

Secara keseluruhnya, apa yang boleh di lihat dalam peringkat adat istiadat perkahwinan perpatih ini ialah urutan atau tertib secara terangcang. Selain itu, perkara yang amat dititikberatkan oleh masyarakat Negeri Sembilan adalah tidak berkahwin sesama suku. Ini kerana, masyarakat yang mengamalkan adat pepatih ditegah daripada mengahwini sesama suku. Mereka yang melanggar pantang ini akan disingkirkan atau dibuang daripada daerah Negeri Sembilan. Oleh kerana terlalu menghormati adat, masyarakat Negeri Sembilan berpegang teguh kepada pantang ini sehingga kini. Mereka percaya jika pantang itu tidak dipegang, maka keluarga atau suku tersebut akan ditimpa bencana.

4.4 PERBANDINGAN ADAT TEMENGGUNG DAN PERPATIH

Jadual 1.0 Perbandingan Adat

| PROSES | TEMENGGUNG | PERPATIH |
|---------------------------------------|---|---|
| 1. Merisik 2. Meminang/ Hantar | -terbahagi kepada 2 iaitu; 1. dilakukan oleh si teruna itu sendiri. 2. di buat oleh kaum keluarga. - berbalas pantun | -terbahagi kepada 2 iaitu; 1. dilakukan oleh si teruna itu sendiri. 2. dibuat oleh kaum keluarga. -berbalas pantun |

| | | |
|-------------------|--|--|
| Tanda | <ul style="list-style-type: none"> - sebentuk cincin belah rotan, sireh junjung, sepersalinan pakaian, dan barang lain. - urusan peminangan dilakukan oleh keluarga lelaki. - jika cincin di terima oleh keluaga perempuan, maka pertunangan tersebut akan terjalin dan begitu jika berlaku sebaliknya. | <ul style="list-style-type: none"> - sebentuk cincin belah rotan (cincin tanya)diikat dengan benang- warna benang simbol warna bendera suku. - benang pendek- tempoh pertunangan ingin di singkatkan dan begitulah sebaliknya. - urusan menghantar cincin dilakukan oleh ‘orang semenda’(pihak lelaki) -di terima oleh ‘buapak’(pihak perempuan) |
| 3. Hantar Belanja | <ul style="list-style-type: none"> - wang hantaran belanja di gubah dalam pelbagai bentuk - bunga rampai - sireh junjung@ tepak sireh - pahar telur merah -nasi semangat - alat solek - buah- buahan | <ul style="list-style-type: none"> - wang hantaran biasanya di gubah dalam bentuk buah-buahan atau pokok bunga - turut di sertakan dengan persalinan untuk si gadis - perjanjian biasanya dalam bentuk ‘serba satu’ atau ‘serba dua’ - serba satu bererti persalinan iringan setiap jenis |

| | | |
|--|--|---|
| | - barang lain | - di gubah dalam pelbagai bentuk, itik, burung dan keris |
| 4. Majlis Berpaket/ Majlis Berkampung | <ul style="list-style-type: none"> -majlis perjumpaan sanak-saudara dan juga golongan masyarakat - kerjasama dan gotong-royong bagi agihan kerja di lakukan mengikut kemahiran diri masing-masing -contohnya,dirikan penanggah, memasak,menyajikan makanan dan melayan tetamu | <ul style="list-style-type: none"> -majlis gotong-royong bagi membahagikan kerja -terdapat tiga kumpulan iaitu “ waris menungket”, “buapak”, dan “sekoden” mempunyai tugas yang berbeza - jiran dan saudara-mara turut meringankan beban dengan menyumbangkan beras, pulut, telur, dan ayam bagi kegunaan pada hari langsung |
| 5. Berinai | <ul style="list-style-type: none"> - terdapat tiga peringkat dalam acara berinai iaitu; -berinai curi,berinai kecil dan berinai besar | <ul style="list-style-type: none"> - terdapat tiga peringkat dalam acara berinai iaitu; -berinai curi,berinai kecil dan berinai besar |
| 6. Berandam | <ul style="list-style-type: none"> - menghias pengantin agar kelihatan berseri - di lakukan oleh tukang | <ul style="list-style-type: none"> - pisau cukur untuk mencukur anak rambut dan kening pengantin |

| | | |
|---------------|--|--|
| | <p>andam (mak andam)</p> <ul style="list-style-type: none"> - mak andam menjampi sireh ‘sireh pemanis’ untuk di makan oleh pengantin perempuan bagi menaikkan seri wajah - mak andam menggunakan alat seperti; bertih, beras basuh padi, tepung tawar, kain putih, pisau cukur, tempat bara dan kain hitam | <ul style="list-style-type: none"> - kain putih sepanjang dua meter untuk menadah anak rambut yang telah dicukur - tepung tawar atau campuran bedak sejuk dan air - daun sepulih dan daun ati untuk menepung tawar pengantin - kemenyan dan tempat berasap - asap kemenyan akan diusap ke muka dan badan untuk menaikkan seri pengantin - tepur ayam muda yang telah dijampi oleh mak andam untuk di minum oleh pengantin - duit sebanyak RM1.45 sebagai pengeras untuk mak andam |
| 7. Akad Nikah | <ul style="list-style-type: none"> - upacara kemuncak dalam minggu perkahwinan - pengantin lelaki datang | <ul style="list-style-type: none"> - di adakan selama dua hari; 1) Malam pertama ‘malam berkonak’ |

| | | |
|----------------------------------|--|---|
| | <p>bersama rombongan</p> <ul style="list-style-type: none"> - sebelum upacara di mulakan, tok imam berjumpa dengan pengantin perempuan untuk meminta persetujuan - upacara akad nikah di jalankan sebelum upacara berinai besar dan bersanding - imam mewakili wali perempuan menjadi jurunikah - mas kahwin akan di sebut tunai atau hutang - mas kahwin di serahkan kepada pengantin perempuan dan menjadi haknya - sahlah mereka menjadi suami isteri - pengantin lelaki akan ke rumah pengantin | <p>yang bermaksud malam nikah</p> <p>2) Malam langsung</p> <ul style="list-style-type: none"> -upacara akad nikah di jalankan selepas mandi berhias dan sebelum berinai besar - imam mewakili pengantin perempuan menjadi jurunikah - turut di sahkan hantaran - mas kahwin biasanya berbentuk wang tunai di wajibkan bagi di serahkan kepada pengantin perempuan <p>-hari persandingan juga di sebut hari langsung</p> |
| 8. Sambutan Raja Sehari/ Hari | | |

| | | |
|----------|---|--|
| | | |
| Langsung | <p>perempuan bersama rombongannya</p> <ul style="list-style-type: none"> - pada hari langsung pelbagai jenis pakaian tradisional di gayakan dan kedua mempelai akan disandingkan di atas pelamin - pengantin akan ditepung tawar oleh keluarga kedua belah pihak - tetamu turut di jamu makan, kekenyangan tetamu akan dianggap dapat menyempurnakan kehidupan kedua pengantin <p>9. Jemput Menantu</p> <ul style="list-style-type: none"> -jemput menantu atau ‘menyambut menantu’ diadakan di rumah pengantin lelaki - pengantin perempuan dijemput datang ke rumah | <ul style="list-style-type: none"> - jamuan diadakan di rumah pengantin perempuan secara besar-besaran - pengantin lelaki akan kerumah pengantin perempuan dengan diiringi pukulan rebana dan sanak saudaranya untuk upacara persandingan <ul style="list-style-type: none"> -majlis ini diadakan untuk pengantin perempuan yang dijemput ke rumah pengantin lelaki serta pengiring-pengiringnya - rombongan pengantin |

| | | |
|--|---|--|
| | <p>pengantin lelaki</p> <ul style="list-style-type: none"> - biasanya di buat pada hari ketiga, kelima atau seminggu selepas hari persandingan | <p>perempuan tidak akan ke rumah bapa mertuanya selagi pengantin lelaki dan pengiring-pengiringnya tidak datang menjemput</p> <ul style="list-style-type: none"> - kedatangan pengantin lelaki Di gelar sebagai ‘balik minum air’ - pengantin perempuan akan tidur semalam di rumah pihak lelaki |
|--|---|--|

Daripada jadual 1.0 menunjukkan tentang perbandingan yang di buat diantara kedua-dua adat iaitu adat temenggung dan juga adat perpatih. Hasilnya menunjukkan bahawa kedua-dua adat ini saling berkait. Ini kerana terdapat banyak persamaan dalam kedua-dua adat tersebut. Persamaan yang ketara ialah melalui penggunaan pantun dalam melengkapi sesuatu upacara serta menjadi medium untuk menyampaikan hasrat hati. Contohnya, pantun untuk merisik, meminang, hantar belanja, akad nikah turut di amalkan dalam kedua-dua adat. Tambahan pula, bagi upacara meminang atau menghantar tanda kedua-dua adat tersebut turut menggunakan sebentuk cincin belah rotan untuk di berikan kepada si gadis. Apa yang berbeza dalam adat perpatih cincin tersebut telah di ikat benang terlebih dahulu. Benang ini merupakan simbolik warna bendera suku dan juga ada maksud yang tersirat di sebalik ukuran benang tersebut. Di mana jika benang itu

ukuran yang pendek, maka tempoh pertunangan igin di sinkatkan oleh pihak lelaki dan begitulah yang terjadi di sebaliknya. Malahan, bagi memastikan agar si gadis bukan berasal daripada suku kaum yang sama. Ini kerana, adat perpatih dititikberatkan agar tidak berkahwin sesama suku dan di anggap adalah bersaudara. Namun begitu, kedua-dua adat ini turut ada perbezaan di mana perlakuan adat tersebut adalah berlainan.

Selain itu, turut mempunyai perbezaan dalam penggunaan istilah tetapi maksud sebenarnya adalah sama. Contoh tersebut ialah majlis berpakat/ dirikan penanggah dengan majlis berkampung. Kedua-dua upacara adat tersebut menunjukkan tentang gotong-royong atau kerjasama saudara-mara dan juga masyarakat dalam memastikan kelancaran dalam majlis perkahwinan tersebut. Hal ini menunjukkan kedua-dua adat tersebut ada keistimewaan masing-masing.

4.4.1 Adat Temenggung dan Perpatih yang masih di amalkan

Jadual 2.0 Adat yang masih di amalkan

| TEMENGGUNG | PERPATIH |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none">1. Merisik2. Meminang3. Akad Nikah | <ol style="list-style-type: none">1. Mencari Jodoh/ Penentu Jodoh2. Merisik3. Adat Menghantar Tanda/ |

| | |
|--|---|
| 4. Upacara Membatalkan Air Sembahyang 5. Sambutan Raja Sehari 6. Jemput Menantu | Meminang 4. Pernikahan/ Majlis Kahwin 5. Hari Langsung 6. Suap- suap 7. Makan Damai 8. Majlis Jemput Menantu 9. Adat Merenjis 10. Hidangan Bapak Lembaga 11. Adat Menyembah |
|--|---|

Berdasarkan jadual 2.0 menunjukkan bahawa terdapat beberapa adat temenggung dan perpatih yang masih lagi kekal dan di amalkan sehingga sekarang ini. Adat ini merupakan yang dominan kerana dapat bertahan sehingga sekarang walaupun unsur dan pengaruh asing kuat mempengaruhi cara hidup masyarakat kita pada masa sekarang. Selain itu, upacara adat yang dikekalkan adalah yang tidak bertentangan dengan agama Islam. Tambahan pula, adat yang tidak boleh di singkirkan dan merupakan adat yang wajib atau tergolong dalam kategori ‘adat nan kawi’. Adat tersebut ialah akad nikah, iaitu wajib di lakukan dalam kedua-dua adat tersebut. Di samping itu, adat yang lain pula merupakan syarat bagi memeriahkan lagi majlis perkahwinan yang akan dan telah di adakan dalam kedua-dua adat tersebut.

4.4.2 Adat yang telah mengalami perubahan

Jadual 3.0 Adat yang telah berubah

| TEMENGGUNG | PERPATIH |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Hantaran Belanja 2. Majlis berpakat/ Dirikan Penanggah 3. Berinai; curi, kecil, besar 4. Berandam | <ol style="list-style-type: none"> 1 Hantar Belanja 2 Menyerambi Bertunang 3 Majlis Berkampung 4 Berinai; curi,kecil dan besar 5 Berandam 6 Makan waris 7 Adat Menyuap 8 Malam Satu 9 Membalas Tidur |

Jadual 3.0 menunjukkan tentang kategori adat temenggung dan perpatih yang telah mengalami perubahan. Pengkaji telah melakukan beberapa kaedah bagi mendapatkan hasil analisis dapatan data yang menunjukkan telah banyak berlaku perubahan dalam kedua-dua adat dalam istiadat perkahwinan. Hal ini kerana, terdapat banyak adat istiadat terdahulu semakin di pinggirkan dan ada di antaranya telah pupus dan tidak digunakan lagi dalam amalan masyarakat kita pada masa sekarang.

Pengkaji telah membuat temubual dengan responden yang berusia serta arif tentang amalan adat istiadat perkahwinan bagi mendapatkan data secara kualitatif.

Gambar di bawah merupakan responden yang telah di temubualkan.



Responden: Bidah Binti Dollah

Umur : 83 Tahun

Asal : Pasir Puteh, Kelantan

Berikut merupakan hasil temubual pandangan responden terhadap apa yang paling ketara dalam perubahan adat istiadat perkahwinan dalam masyarakat kita pada hari ini.

Faktor perubahan adat tersebut boleh dikaji berdasarkan pada perubahan masa dan juga kesesuaian. Dari segi perubahan masa, kedua-duat adat ini dahulunya adalah sangat kompleks. Oleh sebab itu, bagi generasi sekarang

semuanya mahu segera kerana mereka sibuk dengan urusan kerja masing-masing dan tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyempurnakan kesemua adat tersebut.

Di samping itu juga, penerapan unsur dan pengaruh budaya asing yang menular dalam masyarakat. Hal ini menyebabkan berlakunya penyingkiran adat yang terdahulu dan ditambah dengan budaya asing ke dalam adat istiadat perkahwinan masyarakat melayu sekarang. Contohnya, majlis berpakan atau dirikan penanggah (temenggung) dan juga majlis berkampung (perpatih). Kedua-dua upacara ini merupakan kerja bergotong-royong di kalangan sanak saudara dan juga golongan masyarakat bagi meringan dan menyempurnakan majlis yang akan diadakan tersebut terutamanya dalam kenduri perkahwinan.

Perubahan yang ketara dapat dilihat pada persiapan majlis. Ini kerana masyarakat sekarang lebih suka mengambil khidmat perancang perkahwinan bagi membuat segala urusan serta persiapan untuk majlis perkahwinan yang akan diadakan. Selain itu, gaya tradisional tidak lagi menjadi pilihan masyarakat dan kebanyakkan lebih suka memilih gaya barat seperti tema perkahwinan dalam taman, konsep kontemporari, moden dan sebagainya. Hal ini kerana,fikiran masyarakat adalah lebih terbuka dan berlaku anjakan paradigma. Tambahan pula peningkatan taraf hidup dan kuasa beli masyarakat sekarang yang telah meningkat. Bagi melengkapkan lagi majlis perkahwinan, perkhidmatan katering dan juga ‘buffet’ (layan diri) turut di gunakan. Oleh yang demikian, sanak saudara serta para jemputan hanya pergi makan sahaja kerana segalanya telah tersedia. Dengan ini, hubungan persaudaraan agak longgar kerana terdapat jurang yang

sengaja diciptakan oleh mereka sendiri sama ada secara sedar atau tidak. Sikap individualistik yang semakin menebal dan menjadi tembok dalam jaringan kekeluargaan serta kemasyarakatan.

Begitu juga yang berlaku dalam upacara berinai iaitu berinai curi, kecil dan juga besar. Ketiga-tiga upacara berinai ini telah digabungkan menjadi satu sahaja. Ini kerana masyarakat sekarang lebih suka pada sesuatu benda yang ringkas dan tidak begitu kompleks. Manakala, upacara berandam pula tidak lagi di lakukan secara tradisional. Sentuhan juru andam yang profesional dalam bidang andaman serta bercitarasa moden turut diberi keutamaan dan menjadi pilihan masyarakat sekarang untuk menyempurnakan penampilan dalam majlis persandingan yang gilang-gemilang.

Adalah rugi jika adat yang banyak peranan serta fungsinya dalam kemasyarakatan diabaikan dan tidak mustahil generasi yang akan datang sudah tidak mengetahui akan adat istiadat kita yang sebenarnya.

4.4.3 Adat yang sudah tidak diamalkan

Jadual 4.0 Adat yang tidak diamalkan

| TEMENGGUNG | PERPATIH |
|--------------------------------|------------------|
| 1. Memulih Rumah/ Tepung Tawar | 1. Mandi Berhias |

Berdasarkan jadual 4.0 menunjukkan tentang upacara adat yang tidak lagi diamalkan dalam golongan masyarakat kita pada masa sekarang. Hal ini adalah disebabkan oleh penerapan dan nilai dalam agama Islam. Ini kerana adat tersebut tidak sesuai diamalkan. Ini kerana, dalam adat temenggung iaitu melalui upacara memulih rumah/tepung tawar dapat di lihat dengan jelas tentang perkara yang agak bertentangan dengan agama Islam. Manakala, mandi berhias pula dalam upacara adat perpatih juga tidak sesuai lagi diamalkan dan penyingkiran upacara tersebut adalah wajar sekiranya bertentangan dengan agama. Malah adat itu sendiri adalah sesuatu yang tidak terikat dan bersifat dinamis iaitu sentiasa berubah-ubah. Seperti kata perpatih, *sekali air bah, sekali pantai berubah*.

4.4.4 Penglibatan pengkaji dalam majlis perkahwinan

Bagi lebih memahami dengan lebih mendalam tentang adat istiadat dalam perkahwinan pengkaji melibatkan diri dan turut serta dalam beberapa majlis perkahwinan yang telah berlangsung. Berikut merupakan pemerhatian pengkaji yang dapat di kenalpastikan dalam proses upacara perkahwinan.

1) Merisik dan bertunang

- Penggunaan pantun agak hambar dan kebanyakan masyarakat sekarang tidak mahir dalam penggunaan pantun. Mereka lebih bersikap berterus terang dalam menyatakan tujuan serta hasrat yang dibawa, iaitu bagi meminang si gadis.

2) Majlis perkahwinan

- Pengkaji melihat majlis perkahwinan dalam masyarakat sekarang telah banyak di pengaruhi oleh budaya asing, contohnya budaya barat. Perkara ini dapat dilihat secara jelas berdasarkan tema dalam sesebuah perkahwinan, hidangan makanan (buffet) iaitu layan diri, serta menggunakan perkhidmatan catering. Di samping itu juga hantaran tanda/ wang hantaran turut di pengaruhi dan lebih bersifat materialistik serta mengikut kehendak daripada keperluan. Contohnya gambaran seperti di bawah.



4.4.5 Pengkaji turut melakukan kajian lapangan

- iaitu dengan berkunjung ke Muzium Adat di Negeri Sembilan.

Berikut merupakan hasil maklumat yang diperolehi oleh pengkaji.



Gambaran majlis akad nikah yang dilakukan dalam adat perpatih



Gambaran majlis persandingan dalam masyarakat tradisional di Negeri Sembilan yang berpegang teguh dengan adat istiadat perpatih.



Antara contoh hantaran belanja dalam adat perkahwinan perpatih iaitu yang terdiri daripada kain batik, nasi semanangat, bunga telur dan sebagainya.

Pengkaji juga turut bergambar kenangan di hadapan Muzium Adat di Negeri Sembilan. Lihat gambag di bawah.



KELANTAN

4.5 PANTUN DALAM ADAT PERKAHWINAN

- i. Pantun pada awal pertemuan**
- ii. Pantun semasa peminangan**
- iii. Pantun semasa dalam pertunangan**
- iv. Pantun semasa menyambut pengantin**
- v. Pantun semasa persandingan**
- vi. Pantun selepas perkahwinan**

i- Pantun Pada Awal Pertemuan

Pantun yang dilafazkan oleh masyarakat Melayu pada awal pertemuan pasangan berkisar kepada kata-kata di awal pengenalan antara pasangan. Menggunakan perkataan-perkataan yang indah sesuai dengan masa, tempat dan situasi pantun itu dilafazkan. Biasanya pasangan saling menduga hati masing-masing untuk memastikan mereka belum mempunyai buah hati dan saling menyukai. Setelah berkenalan pasangan saling puji-memuji untuk menarik perhatian pasangan masing-masing dan mengambil hati serta memupuk kasing sayang yang mendalam antara mereka. Pantun-pantun yang dilafazkan jelas mencerminkan adat pergaulan bangsa Melayu yang kaya dengan budi bahasa, sopan santun, keimanan, pantang larang dan sebagainya. Contoh pantun yang sering dilafazka seperti di bawah;

Perahu temberang pun baharu,

Baharu sekali masuk Melaka,

Abang baharu, adik pun baharu,

Baharu sekali kenal biasa.

Dua tiga kucing berlari,

Manaknak sama si kucing belang,

Dua tiga boleh ku cari,

Manaknak sama adik seorang.

Limau purut lebat di pangkal,

Sayang selasih condong uratnya,

Angin ribut dapat ditangkal,

Hati kasih apa ubatnya?

Apa tanda hari nak petang,

Anak merbah terciap-ciap,

Apa tanda cinta nak datang,

Darah di dada gerap-gemirap

Dari mana datangnya kelisa?

Dari sawah turun ke kali,

Dari mana datangnya cinta?

Dari mata turun ke hati.

Mengapa tuan pergi ke hutan,

Kerana hendak bertanam padi

Bila persahabatan menjadi percintaan,

Kata tidak diperlukan lagi.

Pantun sememangnya sangat akrab dengan masyarakat Melayu. Malahan, di dalam pantun banyak digambarkan tentang cara hidup masyarakat penciptanya iaitu masyarakat Melayu sama ada bertemakan agama, adat dan budaya, nasihat, jenaka, teka-teki, pantun perantau, pantun budi dan juga pantun yang menyentuh soal kasih sayang dan percintaan. Pantun yang bertemakan cinta dan kasih sayang, biasanya sangat indah dan menarik. Persoalan cinta ini sememangnya luas maknanya. Ada yang mengzahirkan cinta kepada tuhan, cinta kepada negara, agama, keluarga dan paling akrab; cinta kepada seseorang. Berikut adalah pantun yang berkaitan percintaan sesama manusia:

Pilih kiambang bertaut jarang,

Tempua berlagu rentaknya gundah;

Kasih tuan di laut seberang,

Hamba menunggu jemu tak sudah.

Keridik putih dirantai mati,

*Gundah gulana perawan di laman;
Merisik kasih di pantai hati,
Sudikah bertakhta tuan budiman.
Teratai putih di taman larangan,
Harap tumbuh makmur mekarnya;
Menyemai kasih tuan seorang,
Harap sungguh subur membunga.
Bertih dan sagu dari seberang,
Sebungkus dua kuih koci;
Kasihku ini bukan sebarang,
Luhur tulus cinta nan suci.*

Sesungguhnya, pantun-pantun yang berkisahkan percintaan dan kasih sayang dicipta dengan menggunakan bahasa yang puitis dan indah. Maksud yang ingin disampaikan biasanya dalam keadaan tersurat dan ada juga yang tersirat. Fungsi pantun tersebut ialah untuk menyampaikan hasrat hati kepada seseorang yang dicintai. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memikat dan meluahkan perasaan terhadap insan yang dikasihnya. Penghayatan terhadap pantun bertemakan percintaan akan dapat menyuburkan rasa kecintaan yang mendalam dan bermakna.

ii- Pantun Peminangan

Pantun-pantun yang dilafas lebih tersusun dan formal sesuai dengan majlis yang berlangsung. Maksud yang disampaikan terarah kepada hajat yang dibawa dan sebab-sebab datang bertandan. Biasanya kedua-dua pihak masing-masing mencari keserasian untuk mendapatkan satu permuafakatan dan persetujuan. Kedua-dua belah pihak akan menjaga tutur kata masing-masing, pantun yang dilafaskan disusun dengan teratur dalam suasana yang terkawal dan ceria. Kalau tersalah cakap akan membawa padah. Majlis berlangsung dalam suasana harmonis, beradat sesuai dengan budaya dan adat setempat. Contoh pantun-pantunnya seperti berikut:

Berkokok ayam dari hulu,

Ditangkap budak sedang berlari,

Angin memukul gelombang memalu,

Sebab berhajat kita ke mari.

Jika tidak kerana bulan,

Bilakan air pasang pagi?

Jika tidak kerana tuan,

Masakan kami datang ke mari?

Bukan kacang sebarang kacang,

Kacang melilit kayu jati,

Bukan datang sebarang datang,

Datang mengikat jantung hati.

Pagi-pagi pergi ke ladang,

Hendak menyemai benih padi,

Berapa tinggi Gunung Ledang,

Tinggi lagi hajat di hati.

Asap api di Tanjung Tuan,

Kuala Linggi bakaunya rendah,

Harap hati kepada tuan,

Langit tinggi kupandang rendah.

iii- Pantun Semasa Dalam Pertunangan

Tempoh yang cukup menyeksakan buat kedua pasangan. Pantun yang dilapaskan penuh emosi, sarat dengan perasangka, saling rindu-merindui, cemburu, kasih sayang dan sebagainya. Turut mengambarkan harapan dan keserasian di antara pasangan.

Kuda kelabu menyeberang,

Terendam kaki pelananya,

*Hati gila mabuk seorang,
Tuanlah sebab kerananya.*

*Jika tuan pergi ke tanjung,
Saya berkirim pisau lipat,
Jika tuan menjadi burung,
Saya menjadi seorang pemikat.*

*Jahit setangan pinggir dikelim,
Baik dikelim kembang kelapa,
Rindu dendam ke mana dikirim,*

*Mahu dikirim kepada siapa.
Buluh perindu di atas gunung,
Habis luruh buah padiku,
Rindu kekanda tiada tertanggung,
Hancur luluh rasa hatiku.*

iv- Pantun Semasa Menyambut Pengantin

Pantun yang dilafazkan mengambarkan adat mengunjung dan adat menerima pengunjung yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Kaya dengan budi bahasa, sopan santun dan memuliakan tetapi menyelitkan unsur cabar mencabar, bergurau senda, dan kata-mengata untuk menghidupkan majlis agar sentiasa segar dan ceria. Contoh pantunnya seperti di bawah :

Raja besar perang berarak,

Perang sekali tidak selesai,

Silalah tuan datang ke teratak,

Tikar jarang jarak merasai.

Kemili berjunjung naik,

Datang selingkar jatuh ke lubuk,

Jerangkan air di pangkal titi,

Saya berdiri sudah nak naik,

Berilah tikar saya nak duduk,

Berilah air pembasuh kaki.

Katang-katang berisi manik,

Yang sebiji berisi gelam,

Hulurkan tangan kami nak naik,

Kami datang di malam kelam.

v- Pantun Semasa Majlis Persandingan

Pantun-pantun yang dilafaskan khusus kepada kedua mempelai. Biasanya dilafazkan oleh pengacara, keluarga terdekat dan para hadirin yang hadir. Pantun-pantun yang dilafazkan menjurus kepada pengantin dengan kata-kata pujian dan keserasian di antara mereka. Contoh pantunnya seperti berikut:

Anak cina cari sembilang,

Dapat seekor di atas pasir,

Laksana mahkota gilang gemilng,

Sebagai emas baru diukir.

Jelatik burung jeladan,

Tekukur terbang tinggi,

Sama cantik, sama padan,

Kalau diukur sama tinggi.

Burung jelatik burung jeladan

Mencari sarang burung tempua

Sama cantik sama padan

Seperti pinang dibelah dua

Kain batik baju batik,

Batik datang dari Jawa,

*Adik cantik abang cantik,
Bagai pinang belah dua.

Kain batik selendang batik,
Mari sebar di atas pentas,
Adik cantik abang cantik;
Bagai dakwat dengan kertas.*

vi- Pantun Selepas Berkahwin

Pantun-pantun yang dilafazkan adalah di antara suami dan isteri. Kata-kata yang dilafazkan untuk menggambarkan isi hati yang kesumbat dengan cinta, kasih sayang, pengharapan, janji setia dan sebagainya. Melalui pantun-pantun ini menjelaskan betapa murninya ikatan perkahwinan yang dianjurkan oleh agama, kerana melalui pekahwinan itu telah menghalalkan penyatuan dua hati yang saling lengkap-melengkapi, perlu-memerlukan, sehingga berlakunya satu perkongsian hidup yang benar-benar adil, harmonis dan bahagia. Antara pantun-pantun itu ialah :

*Pohon selasih pohon semulih,
Ambil sopan pecahkan santun,
Sudah kita bertambah kasih,
Marilah kita berkarang pantun.

Anak muda berantai dokoh,
Padang luas larian kuda,*

Sekarang baru mendapat jodoh,

barulah puas hati kakanda.

Tuailah padi antara masak,

Esok jangan layu-layuan,

Intailah kami antara nampak,

Esok jangan rindu-rinduan.

Layang-layang di atas bukit,

Kayu tengar dari seberang,

Cinta sayang bukan sedikit,

Racun penawar tuan seorang.

Seri Rama menambang tasik,

Tasik ditambang dipadan tetamu,

Sekian lama menanggung kasih,

Baharulah sekarang kita bertemu.

Padi bernama padi belok,

Benih datang dari Palembang,

Serta dapat bunga dijolok,

Baharulah dapat bunga yang kembang.

Belayar masuk Kuala Kedah,

Patah tiang timpa kemudi,

Sekuntum bunga terlalu indah,

Sekalian kumbang asyik berahi.

4.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penjelasan dan contoh-contoh pantun yang diutarakan di atas menunjukkan bahawa, pantun sangat istimewa sifatnya yang tersendiri. Penjenisan dari sudut tema khusus kepada tema perkahwinan ini merupakan suatu fenomena yang sangat menarik, kerana itulah pantun dianggap oleh banyak pengkaji sebagai suatu hasil keserasateraan yang istimewa milik orang Melayu. Di sebalik keistimewaan bahasa dalam pantun itulah tersimpan khazanah dan keperibadian Melayu yang sebenar. Bagaimanapun, pembahagian ini hanyalah suatu pembahagian yang umum dan bukan mutlak sifatnya. Pembahagiannya kepada enam peringkat proses perkahwinan masih boleh dipersoalkan. Tambahan pula pantun-pantun yang dihimpunkan ini bukan statik sifatnya. Pantun-pantun itu boleh juga dilafazkan dimana-mana majlis dan situasi mengikut kesesuaian dan keperluannya, tidak terikat dalam majlis perkahwinan sahaja. Bahkan, temanya juga boleh berubah mengikut keadaan dan keperluan si pengucapnya. Namun begitu, pembahagian yang dibuat ini, pada hemat pengkaji ada rasional dan kepentingannya yang tersendiri. Paling tidak, kita dengan mudah boleh mengenali adat dan peraturan majlis perkahwinan masyarakat Melayu dalam adat temenggung dan juga perpatih, pemantunnya, budi bahasanya, sikap dan emosi serta gaya kasih sayang bangsa kita.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab 5 mengandungi pebincangan, cadangan, dan kesimpulan yang dapat dibuat oleh pengkaji melalui kajian terhadap penggunaan Adat Temenggung dan Perpatih dalam adat istiadat perkahwinan. Ini kerana kedua-dua adat ini mempunyai tarikan dan keistimewaan yang tersendiri serta saling mempunyai persamaan yang kuat walaupun terdapat perbezaan. Maksudnya, walaupun istilah yang digunakan berbeza atau berlainan tetapi maksud yang disampaikan adalah sama ataupun hampir sama.

Orang tua-tua mengatakan melalui ungkapan banyak makna yang tersimpan, atau dikatakan dalam pantun, banyak makna yang terhimpun, dalam pepatah, banyak faedah, dalam bidal banyaklah pedoman, dalam gurindam, banyak rahsia terpendam, dalam kata banyak makna.

5.2 PERBINCANGAN

Pengkaji menyedari bahawa sistem adat istiadat dalam perkahwinan ini semakin hari semakin terhakis nilai adat tradisionalnya akibat daripada perubahan masa, desakan persekitaran serta menularnya budaya asing dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.

Ini kerana, adat istiadat merupakan kebiasaan yang berlaku di tengah masyarakat umum atau setempat, seperti acara yang bersifat keramaian atau tingkah laku pergaulan yang bila dilakukan akan dianggap baik dan bila tidak dilakukan tidak apa-apa. Adat ini dalam komunikasi teromba diibaratkan seperti besar kerana dilambuk, tinggi kerana dianjung, yang ertiinya adat itu akan dapat tumbuh hanya kerana dirawat dengan baik.

Oleh yang demikian, perubahan pada adat ini adalah sesuatu yang biasa kerana sifat adat yang dinamis serta mudah menerima unsur lain. Sekiranya, dalam sistem adat istiadat perkahwinan proses adat yang agak bertentangan dengan agama Islam adalah wajar di singkirkan tetapi jika tidak bertentangan boleh diamalkan. Tambahan pula, upacara adat yang banyak memberi manfaat dan kebaikan bersama-sama adalah sayang jika turut tersingkir dan tidak lagi menjadi

amalan dalam kalangan masyarakat tidak kiralah dalam adat temenggung mahupun perpatih kerana kedua-dua adat tersebut merupakan adat masyarakat Melayu yang menjadi simbol jati diri dan kebanggaan masyarakat kita pada suatu ketika dahulu.

Dengan demikian, pengkaji sebagai wakil generasi muda pada masa kini berasa bertanggungjawab dalam mencari serta mendedahkan semula kebaikan adat tersebut kepada masyarakat agar generasi yang akan datang tidak menjadi orang yang buta adat serta lupa asal usul diri mereka yang sebenarnya.

5.3 CADANGAN

Melalui pengkajian yang telah dibuat terhadap temenggung dan perpatih satu perbandingan adat istiadat perkahwinan, terdapat beberapa saranan yang boleh diambil demi kesinambungan kedua-dua adat tersebut kepada generasi yang akan datang.

- i. mewujudkan sukanan matapelajaran adat temenggung dan perpatih di sekolah rendah lagi. Ini kerana, bagi memberi pendedahan awal dalam kalangan pelajar ketika berusia dari umur 7 sehingga 12 tahun. Pendedahan awal dapat membantu mereka memahami dengan lebih jelas tentang sistem adat yang di amalkan.

- ii. Memperbanyakkan bengkel serta dialog tentang keistimewaan adat istiadat perkahwinan dalam kedua-dua adat iaitu temenggung dan juga perpatih.
- iii. Mewujudkan penyelidikan secara tersusun tentang adat istiadat temenggung dan juga perpatih yang boleh dilakukan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan juga institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).
- iv. Membuat pendokumentasian serta perbanyakkan bahan rujukan tentang koleksi adat istiadat temenggung dan perpatih di pasaran. Contohnya, penjualan buku-buku dan juga video atau cakera disk (CD) di pasaran. Membantu meningkatkan sumber ekonomi dalam bidang usahawan.
- v. Wujudkan sudut pengucapan awam tentang adat istiadat temenggung dan perpatih. Boleh dilakukan di sekolah-sekolah, badan kerajaan dan juga swasta bagi member kesedaran generasi muda dan seterusnya yang akan datang.
- vi. Mewujudkan perkampungan serta majlis adat istiadat temenggung dan perpatih. Hal ini juga, turut dapat menarik minat para pelancong dari dalam dan luar untuk datang serta menghayati dan merasai dengan sendiri tentang keistimewaan dan keunikan yang ada dalam adat tersebut.

5.3 KESIMPULAN

Adat Melayu merupakan cerminan kepada bangsa Melayu itu sendiri. Kekayaan adat ini melambangkan ketinggian nilai dalam kehidupan masyarakat. Adat ini boleh dikatakan sering di amalkan dalam kehidupan masyarakat seharian, tetapi fokus utama dalam kajian ini hanya tertumpu kepada adat istiadat perkahwinan Temenggung dan juga Perpatih sahaja. Adat istiadat dalam perkahwinan masyarakat Melayu pada hari ini sudah banyak yang berubah berbanding dengan masyarakat dahulu.

Hal ini kerana, pada zaman sains dan teknologi ini, pengamalan adat begitu longgar dan mula terhakis oleh gelombang pembangunan, permodenan, mobiliti masyarakat dan semangat keislaman. Oleh itu, amat sayang sekiranya adat istiadat ini semakin hari semakin hilang amalan serta kepercayaannya akibat daripada kerakusan masyarakat yang ingin memodenkan diri dengan terikut dan terpengaruh budaya barat sehingga lupa jati diri serta asal-usul. Sesungguhnya, adai kata warisan adat ini dapat ditukar dengan harta yang sangat bernilai saya percaya masyarakat semua akan berebut-rebut untuk mendapatkannya. Kekayaan dan keunikan adat istiadat ini dapat ditonjolkan melalui penggunaan pantun dan juga teromba yang tidak ada dalam budaya barat.

Oleh itu, sebagai saranan usaha harus dijalankan secara bersepadu untuk mempertahankannya. Teromba itu sendiri dari segi falsafah dan ideologi, bukanlah sesuatu yang statik dan tidak mahu berubah. Teromba itu mahukan perubahan dan penyesuaian dengan zaman yang dilalui oleh pengamalnya. Teromba ini elok diteruskan dari segi amalannya, tambahan pula untuk melahirkan masyarakat yang harmonis. Cuma yang perlu diubahsuai ialah mengikut peredaran zaman, tanpa menghilangkan nilai dan estetiknya. Maka sekiranya masyarakat kita sedar akan hakikat ini, adat kita akan

terus diwarisi dan berkembang walaupun zaman telah berubah tetapi perubahan tersebut tidak menjadi penghalang kepada pengamalan adat selagi tidak bertentangan dengan hukum dan agama.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIBLIOGRAFI

PERZIM. 2001. Abdul Latif Abu Bakar (Peny.). *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitab Allah.* Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Norhalim Ibrahim. 1993. *Adat perpatih Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung.* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Musthafa Hj. Daud, Perkahwinan menurut Islam (Utusan publication & Distribution Sdn. Bhd. 1993).

Abang Yusof bin Abang Puteh, Beberapa segi Adat Perkahwinan orang-orang Melayu, Latihan Ilmiah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965).

Amran Kasimin, Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1989).

Ismail Hamid, Masyarakat dan Budaya Melayu, (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1991).

Ustaz Haji Taib Azamuddin Md. Taib dan Ustazah Hajah Aminah Haji Zakaria: Pengenalan Hukum Nikah Kahwin.

ABAS BIN HAJI ALI, *Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya,* Pejabat Cetak Kerajaan johor, 1953.

ABD. GHANI SHAMARUDDIN, 'Adat Perpatih di Negeri Sembilan'. *Dewan Masyarakat,* Januari, 1964.

' Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk Lain Ikan', *Dewan Masyarakat,* Mac, 1964.

ABD. RAHMAN HAJI MOHAMED, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

Abdul Samad Idris . 1984. Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya. Dewan Masyarakat. Jun: 52.

Ismail Hamid: 1991. Masyarakat dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Rosli Saludin. 1999. ' Adat Perpatih Perlu Diubahsuai'. Berita Harian, 25 Mei: 11.

Taha Kadir 1988. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Perpatih Masa Kini".

Mohd Taib Osman. 1975. Warisan Puisi Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

NorHalim Haji Ibrahim. 1996. Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Tesis “ perkahwinan dan kekeluargaan”. Epik 351: Adat Perpatih Luak Ulu Muar dan Pentadbiran Hukum Syarak. Koleksi Jabatan Pembangunan dan Keluarga, Fakulti Ekologi Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Mac 1997.

Tesis Sosiologi dan Kesengganan, SOS 3010 “ Adat Perkahwinan”: kumpulan Mutiara 47, Jabatan Pembangunan Sosial, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor 1998/ 99.